PKNP

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG

LAPORAN TAHUNAN 2024

www.pknp.gov.my



Memacu Pembangunan Negeri Pahang

ISI KANDUNGAN

Laporan Tahunan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang 2024

→	01	Perutusan Pengerusi	01
→	02	Penghargaan	02 - 03
→	03	Profil PKNP	04 - 07
→	04	Tadbir Urus Korporat	08 - 09
→	05	Sorotan Prestasi 2024	10 - 16
→	06	Prestasi Mengikut Sektor	17 - 39
→	07	Tanggungjwab Sosial Korporat (CSR)	39 - 46
→	08	Prestasi Kewangan	47
→	09	Prospek & Perancangan Masa Hadapan	
→	09	Penutup	

PERUTUSAN PENGERUSI

Syukur ke hadrat Allah S.W.T atas segala limpah dan kurnia-Nya, saya bagi pihak Ahli Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) dengan penuh rasa tanggungjawab membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan PKNP bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2024.

Tahun 2024 merupakan satu tempoh yang signifikan buat PKNP apabila beberapa inisiatif strategik berjaya dilaksanakan dengan berkesan. Dalam usaha memastikan obligasi PKNP kepada Kerajaan Negeri Pahang terus dipenuhi, PKNP telah mengunjurkan sumbangan berjumlah RM5 juta sebagai sokongan kepada pelaksanaan pelbagai inisiatif pembangunan yang digerakkan oleh Kerajaan Negeri. Di samping itu, PKNP turut melunaskan bayaran anuiti pinjaman Kerajaan Negeri berjumlah RM8.87 juta, sejajar dengan komitmen berterusan PKNP dalam mengekalkan disiplin kewangan yang berhemah dan mampan.

Seiring dengan aspirasi untuk memperkukuh kedudukan kewangan, PKNP kekal komited dalam meningkatkan pendapatan dan memperbaiki aliran tunai melalui penjanaan hasil daripada aktiviti penjualan, sewaan dan pajakan stok hartanah sedia ada. Usaha ini telah diperkasakan lagi pada tahun 2024 menerusi pewujudan sinergi strategik bersama agensi-agensi promosi pelaburan Kerajaan Negeri, termasuk Perbadanan Setiausaha Kerajaan (PSK), Pahang Corporation Sdn. Bhd. dan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC), bagi menarik pelaburan dan merancakkan pertumbuhan ekonomi negeri.

Sebagai sebuah agensi pembangunan utama Negeri Pahang, PKNP akan terus melaksanakan peranannya secara proaktif dan berfokus, di samping mengamalkan langkah-langkah penjimatan serta pengurusan perbelanjaan yang berhemah. PKNP juga komited untuk menyokong sepenuhnya dasar, program dan agenda pembangunan yang digariskan oleh Kerajaan Negeri Pahang demi memastikan pembangunan yang seimbang, inklusif dan mampan untuk kesejahteraan rakyat negeri ini.

Akhir kata, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Pahang, Ahli Perbadanan, pihak pengurusan serta seluruh warga kerja PKNP atas dedikasi, komitmen dan sokongan padu yang diberikan sepanjang tahun 2024.

PENGHARGAAN

Sepanjang tahun 2024, Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) telah mencatat pelbagai pencapaian yang membanggakan, termasuk penerimaan beberapa anugerah berprestij di peringkat kebangsaan.

Antara yang paling signifikan ialah kejayaan PKNP meraih Pingat Perak Anugerah Integriti, Governans dan Antirasuah (AIGA) 2023, yang mencerminkan komitmen berterusan organisasi terhadap amalan tadbir urus yang baik, telus dan berintegriti.





Selain itu, PKNP turut mencipta sejarah setelah muncul sebagai Johan bagi Kategori Kemajuan Ekonomi dalam Perbarisan dan Perarakan sempena Hari Kebangsaan 2024 Peringkat Negeri Pahang yang telah berlangsung di Padang MBK 1, Kuantan

Dari sudut Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) dan Sistem Pengurusan Anti Rasuah (ABMS), PKNP juga berjaya mengekalkan pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) MS ISO 9001:2015 dan Sistem Pengurusan Anti Rasuah (ABMS) MS ISO 37001:2016 tanpa syarat. Siri pengauditan tersebut telah dilaksanakan selama dua hari iaitu pada 3 dan 4 Oktober 2024.



PENGHARGAAN

Sehubungan itu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada pihak Pengurusan PKNP serta seluruh Warga Kerja Kumpulan PKNP atas komitmen, kecekapan dan dedikasi yang telah ditunjukkan dalam melaksanakan amanah dan tanggungjawab masing-masing dengan penuh profesionalisme serta berteraskan nilai integriti yang tinggi. Sumbangan dan usaha kolektif inilah yang menjadi pemangkin kepada pencapaian cemerlang PKNP sepanjang tahun pelaporan ini.



Dalam mendepani cabaran tahun 2025, saya berharap agar seluruh warga PKNP akan terus melaksanakan tugas dengan penuh iltizam, berpegang teguh kepada nilai integriti, serta selari dengan visi dan misi PKNP. Dengan usaha yang berterusan dan komitmen secara bersama, saya yakin kecemerlangan yang telah dicapai pada tahun 2024 bukan sahaja dapat dikekalkan, malah diperkukuh demi memastikan PKNP terus melangkah maju sebagai agensi pembangunan negeri yang berwibawa dan berdaya saing.

Sekian, terima kasih.

YAB Dato' Sri Diraja Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail
SSAP., SUMW., DSAP., DIMP., SMP., AMP.
Pengerusi Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang

PROFIL PKNP

3.1 LATAR BELAKANG

Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) ditubuhkan pada 27 Disember 1965 melalui Enakmen LKNP Bil. 12/65 (kini dikenali sebagai Enakmen PKNP 1965) dengan tanggungjawab utamanya bagi meningkat, mendorong, memberi kemudahan serta menjalankan usaha-usaha pembangunan ekonomi dan sosial negeri terutamanya di kawasan luar bandar.

Peranan dan aktiviti utama PKNP dan Kumpulan adalah tertumpu kepada sektor-sektor berikut:



PEMBANGUNAN INDUSTRI

Bahagian Perindustrian memainkan peranan utama menarik Pelaburan Asing Langsung (FDI) dan tempatan (DDI) untuk melabur di Negeri Pahang serta menyediakan kemudahan infrastruktur asas dalam kawasan-kawasan perindustrian yang dibangunkan oleh PKNP. Selaku One Stop Agency (OSA), PKNP bertanggungjawab memainkan peranan-peranan sepertimana berikut :-

- Mewujudkan dan memupuk iklim pelaburan yang menarik bagi pelabur yang berpotensi dan sedia ada.
- Memudahkan pemprosesan permohonan pelabur
- Menyediakan bantuan teknikal dan khidmat nasihat
- Menggalakkan pelaburan asing

PEMBANGUNAN HARTANAH

Pembangunan Hartanah adalah salah satu sektor yang boleh menyumbang kepada pendapatan PKNP melalui pembangunan projek-projek komersil dan sosial yang memenuhi keperluan rakyat dengan objektif sepertimana berikut:-

- Mewujudkan sebuah bandar yang moden, lengkap dengan kemudahan infrastruktur yang berfungsi sebagai pusat pembangunan ekonomi usahawan Bumiputera.
- Menyediakan perumahan yang tersusun dan lengkap dengan kemudahan infrastruktur mengikut kemampuan pembeli di samping meningkatkan peratus pemilikan Bumiputera ke atas hartanah di Negeri Pahang.
- Mewujudkan sebuah bandar yang moden, lengkap dengan kemudahan infrastruktur yang berfungsi sebagai pusat pembangunan ekonomi usahawan Bumiputera.
- Membantu kerajaan melaksanakan dan memantau projek-projek di bawah program pembangunan kerajaan serta melaksanakan projek-projek sosial milik PKNP dan kerajaan di kawasan luar bandar

Fungsi Pembangunan Hartanah PKNP adalah dalam mereka bentuk, membangun dan memasarkan hartanah yang melibatkan pembinaan perumahan, pembangunan bandar baru atau bersepadu dalam semua bidang yang berpotensi strategik di seluruh negeri ini melalui tiga fungsi utama seperti berikut:-

Pembangunan Projek Komersial (Perumahan & Kedai)

Projek Komersial terdiri daripada 13,480 unit rumah dan 1,082 unit kedai yang merupakan salah satu bidang yang terbesar diceburi oleh PKNP sejak ditubuhkan sama ada dibangunkan sendiri oleh PKNP atau secara usahasama dengan pemaju-pemaju yang berpotensi.

Pembangunan Bandar Baru

Membangunkan 10 Projek Bandar Baru yang melibatkan 2,996 unit kedai, gerai dan rumah yang telah dikenal pasti untuk dijadikan sebagai pusat pentadbiran dangan kemudahan infrastruktur yang lebih lengkap dan bersistematik.

Pembangunan Projek Komersial (Perumahan & Kedai)

Pembangunan Projek Sosial adalah sektor yang paling penting dalam pembangunan yang dijalankan oleh PKNP. Ia adalah peranan dan tanggungjawab sejajar dengan objektif PKNP untuk meningkatkan, menggalakkan, memudahkan dan mengusahakan pembangunan ekonomi dan sosial negara ini, terutama di kawasan luar bandar untuk kesejahteraan rakyat.

PKNP juga telah membangunkan 31 Pusat Pertumbuhan Desa yang melibatkan pembinaan sebanyak 391 unit kedai dan gerai yang lebih selesa dan teratur, dengan keutamaan kepada Bumiputera untuk menyewa atau memilikinya pada harga yang berpatutan dan bersesuaian dengan kemampuan tertaluk kepada peruntukan kerajaan seperti Inkubator Bangunan, Lot Pejabat, Rumah Kedai & Gerai.

PEMBANGUNAN HARTANAH

Objektif Pelaburan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) adalah :

Menceburi dalam bidang pelaburan baru yang berdaya maju

Menjadi badan amanah Kerajaan Negeri untuk menyelaras di antara pihak swasta dan kerajaan dalam bidang pelaburan.

Menyumbang kepada hasil pendapatan tambahan buat PKNP dan juga Kerajaan Negeri.

Bentuk pelaburan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) merangkumi Pelaburan Usahasama / Projek, Pelaburan Dalam Anak Syarikat, Pelaburan Dalam Harta Tanah dan Pelaburan Terus Dalam Sekuriti Boleh Dagang.

PEMBANGUNAN USAHAWAN BUMIPUTERA

Pembangunan usahawan Bumiputera merupakan salah satu dari tanggungjawab utama PKNP sepertimana termaktub dalam enakmen penubuhannya. Sektor ini fokus untuk melahirkan usahawan yang berdaya saing, maju dan kompeten melalui bimbingan, latihan kemahiran, perkongsian pengalaman dan jaringan strategik perniagaan. Melalui sektor ini, PKNP turut menjalankan tanggungjawab dalam program pembudayaan pembangunan keusahawanan yang melibatkan pelajar-pelajar sekolah seluruh negeri Pahang dengan peruntukannya dibiayai sepenuhnya oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF). PKNP telah membangunkan premis perniagaan mampu milik untuk memastikan usahawan Bumiputera khususnya di kawasan-kawasan luar bandar dapat menjalankan perniagaan dalam keadaan yang kondusif.

Untukmelahirkan Usahawan Menengah Bumiputera, PKNP telah mengambil inisiatif dengan menyediakan ruang perniagaan di kompleks-kompleks membeli belah di sekitar bandar Kuantan. Blueprint Program Transformasi Pembangunan Usahawan PKNP telah dirangka supaya aktiviti keusahawanan dilaksanakan menggunakan pendekatan yang lebih fokus dan bersifat holistik yang menjurus untuk melahirkan usahawan yang benar-benar dapat bersaing dalam dunia perniagaan yang global. Di bawah program ini, PKNP telah mengenalpasti perniagaan mengikut fungsi organisasi, merangka program yang bersifat berterusan untuk membimbing usahawan, menggerakkan program pembangunan usahawan secara lebih integrated dan total melibatkan input atau sumber yang ada. PKNP mensasarkan untuk melahirkan seramai 120 usahawan di bawah program ini.

Visi

PKNP terus menjadi Penggerak Utama Pembangunan Ekonomi Negeri Demi Kesejahteraan Rakyat



Misi

Sebagai Pemacu dan Penjana Ekonomi Negeri melalui Pembangunan Perindustrian, Hartanah dan Pelaburan Terpilih Ke Arah Mempertimbangkan Sosio Ekonomi Rakyat Negeri Pahang

TADBIR URUS KORPORAT

4.1 CARTA AHLI PERBADANAN 2024



YAB Menteri Besar Pahang

Dato' Sri Diraja Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail
SDSA., SSAP., SUMW., DSAP., DIMP., SMP., AMP.



YB Setiausaha Kerajaan Pahang

Dato' Sri Haji Zulkifli bin Haji Yaacob
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AAP., AMP.



YB Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang

Dato' Sri Saiful Edris bin Zainuddin
SSAP., DSAP.



YB Pegawai Kewangan Negeri Pahang

Dato' Indera Nazri bin Abu Bakar
SIMP., DSAP., DIMP., SMP.



Pengarah Tanah dan Galian Pahang

YH Dato' Hamdan bin Hussin
DSAP., DIMP., SAP., AAP., AMP.



(Perlantikan Melalui Seksyen 4(1)(e) Enakmen PKNP (Pindaan 1990)

YH Dato' Sri Kamaruddin bin Mohammed
SSAP., DSAP., DIMP.



(Perlantikan Melalui Seksyen 4(1)(e) Enakmen PKNP (Pindaan 1990)

YH Dato' Wan Asmadi bin Wan Ahmad
DIMP.



Timbalan Pengarah I (Industri) Bahagian Industri Pembuatan, Sains dan Teknologi, Kementerian Ekonomi

Y.Bhg Datuk Dr. Hanisah binti Hussin
KMN., DPSM.



Timbalan Setiausaha Bahagian Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat, Kementerian Kewangan (MOF)

Encik Zainudin bin Suleiman



Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang

YH Dato' Mohd Faizal bin Jaafar
DSAP., SMP., AAP.

4.2 CARTA ORGANISASI 2024



SOROTAN PRESTASI 2024

5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Tahun 2024 merupakan satu tempoh yang signifikan bagi Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) dalam melaksanakan peranannya sebagai agensi pembangunan utama Negeri Pahang. Sepanjang tahun pelaporan ini, PKNP terus mengekalkan kedudukan kewangan yang stabil, melaksanakan inisiatif strategik berimpak tinggi serta menyokong agenda pembangunan Kerajaan Negeri Pahang secara berterusan.

Antara pencapaian utama PKNP bagi tahun 2024 ialah penyempurnaan urus niaga penebusan Call & Put Option bagi pegangan saham dalam Passcorp Paper Industries (PPI) dengan nilai keseluruhan berjumlah RM74.50 juta. Urus niaga ini telah dilaksanakan secara strategik melalui pembayaran tunai dan mekanisme kontra aset, sekali gus menyumbang kepada pengukuhan kedudukan kewangan serta portfolio aset PKNP.

Dalam masa yang sama, PKNP kekal komited dalam memenuhi obligasi kepada Kerajaan Negeri Pahang melalui sumbangan berjumlah RM5 juta bagi menyokong pelaksanaan pelbagai inisiatif pembangunan negeri. PKNP turut melunaskan bayaran anuiti pinjaman Kerajaan Negeri berjumlah RM8.87 juta, selaras dengan amalan pengurusan kewangan yang berhemah dan mampan.

Dari perspektif tadbir urus korporat, PKNP telah menerima pengiktirafan di peringkat kebangsaan apabila dianugerahkan Pingat Perak Anugerah Integriti, Governans dan Antirasuah (AIGA) 2023. Pencapaian ini mencerminkan komitmen berterusan organisasi terhadap amalan tadbir urus yang telus, berintegriti dan berakauntabiliti.

PKNP juga terus menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negeri melalui pelaksanaan projek perindustrian, pembangunan hartanah, pemerkasaan usahawan serta pelbagai inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang memberi manfaat secara langsung kepada komuniti setempat.

Berbekalkan asas kewangan yang terkawal, sokongan warga kerja yang berdaya saing serta kerjasama erat bersama agensi-agensi Kerajaan Negeri, PKNP optimis untuk terus melangkah ke hadapan dalam mendepani cabaran tahun 2025 dan seterusnya, selaras dengan Pelan Strategik PKNP 2021–2026.

5.2 SEKTOR PERINDUSTRIAN

Sepanjang tahun 2024, Bahagian Perindustrian PKNP telah mencatatkan pencapaian yang memberangsangkan dalam usaha memacu pembangunan perindustrian negeri. PKNP berjaya meningkatkan kadar penghunian kawasan perindustrian di beberapa lokasi strategik di Negeri Pahang melalui pemeteraian :

14

perjanjian sewaan dan pajakan baharu

6

jualan tapak perindustrian

Di samping itu, usaha promosi pelaburan telah dilaksanakan secara bersepadu melalui kerjasama strategik bersama agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan. Penyertaan dalam program berprofil tinggi seperti Selangor International Business Summit 2024 dan World Fujian Convention 2024 telah membuka peluang baharu dalam menarik pelaburan domestik dan antarabangsa.

PKNP turut memberi penekanan kepada penglibatan langsung bersama pelabur melalui lawatan tapak, pemantauan fasiliti serta sesi perbincangan berterusan bagi memastikan kelangsungan dan kejayaan projek pelaburan yang dilaksanakan.



Penyertaan PKNP di Fujian Convention



Di sekitar Selangor International Business Summit

5.3 SEKTOR PEMBANGUNAN HARTANAH

Pada tahun 2024, PKNP telah memberi tumpuan kepada pembangunan satu (1) projek komersial, iaitu Projek Perumahan Chemperoh Fasa 1 yang terletak di Janda Baik, Bentong, melibatkan pembinaan sebanyak 71 unit rumah. Komponen pembangunan bagi projek ini adalah seperti berikut:-

Cadangan Projek:
Perumahan Chemperoh Fasa 1

Komponen / Jenis Pembangunan	Jumlah Unit	Status 2024
Rumah Berkembar	6	Projek dijangka siap pada Suku Pertama 2025
Rumah Teres A	39	Kemajuan kerja sehingga Disember 2024 telah mencapai 98%.
Rumah Teres B	26	
Jumlah	71	

Selain itu, PKNP turut terlibat secara aktif dalam pelaksanaan projek usahasama melalui pembangunan empat (4) projek di bawah geran peruntukan Kerajaan Pusat melalui Kementerian Ekonomi (MEA) di bawah inisiatif projek sosioekonomi Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12). Projek-projek tersebut merangkumi Pusat Pertumbuhan Desa di Kampung Panching, menaik taraf Fasiliti Usahawan Kompleks Dagangan Mahkota, Pusat Pertumbuhan Desa Desa Murni, Kerdau, serta pembinaan Premis Usahawan di atas Lot 49651, Taman Teknologi Gambang, Kuantan.

5.4 SEKTOR PEMBANGUNAN KOMUNITI DAN KEUSAHAWANAN

PKNP melalui Bahagian Pembangunan Komuniti dan Keusahawanan terus memberi penekanan kepada usaha menambah nilai dan memperkasa usahawan Bumiputera melalui penyediaan latihan serta kursus yang relevan dan terkini. Inisiatif ini bertujuan untuk membudayakan pembentukan generasi baharu usahawan Bumiputera yang berdaya saing, selaras dengan Pelan Strategik PKNP.

Pelaksanaan inisiatif tersebut merangkumi program-program berikut:

01 **Program Transformasi Keusahawanan PKNP**

02 **Latihan Keusahawanan**

03 **Program Pembangunan Komuniti**



Antara projek di bawah RT Development Engineering Sdn Bhd adalah Perumahan di Seberang Balok,Kuantan

5.5 SEKTOR PELABURAN

Sektor korporat turut memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada sumber pendapatan PKNP. Berikut merupakan pencapaian anak-anak syarikat PKNP bagi tahun 2024 berbanding tahun sebelumnya:

Bil	Syarikat	Keuntungan/Kerugian 2023	Keuntungan/Kerugian 2024	Prestasi
1	PKNP Mineral Industries Sdn Bhd	403,759.00	223,161.00	↓
2	PKNP Agro-Tech Sdn Bhd	2,071,855.00	8,453,024.00	↑
3	RT Dev. & Eng. Sdn Bhd	(368,288.00)	(3,763,880.00)	↓
4	Rumpun Timur Sdn Bhd	601,882.00	321,939.00	↓
5	BCIC Holdings Sdn Bhd	(192,943.00)	(52,118.00)	↑
6	Realistic Attraction Sdn Bhd	93,711.00	180,534.00	↑
7	Pascorp Paper Industries	(33,950,488.00)	(28,358,831.00)	↓
	Jumlah	**(31,340,512.00)**	**(22,996,171.00)**	

5.6 PRESTASI KEWANGAN

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024, PKNP terus mengekalkan kedudukan kewangan yang stabil dengan merekodkan keuntungan bersih selepas cukai berjumlah RM10.26 juta. Walaupun pencapaian ini lebih rendah berbanding RM21.86 juta pada tahun sebelumnya, ia masih mencerminkan keupayaan PKNP untuk menjana keuntungan dalam persekitaran ekonomi yang mencabar.

Di peringkat Kumpulan PKNP, prestasi kewangan bagi tahun 2024 dipengaruhi oleh beberapa faktor operasi dan pelarasan kewangan, yang mengakibatkan kerugian berjumlah RM17.56 juta, berbanding keuntungan RM52.20 juta yang direkodkan pada tahun 2023.

Namun demikian, langkah-langkah penstrukturan, pengoptimuman kos serta penambahbaikan prestasi anak-anak syarikat sedang dan akan terus dilaksanakan bagi memperkukuh prestasi kewangan Kumpulan pada masa hadapan.

Secara keseluruhannya, kedudukan kewangan PKNP dan Kumpulan bagi tahun 2024 kekal terkawal dan berdaya tahan, dengan tumpuan berterusan diberikan kepada pengukuhan aliran tunai, pengurusan kos yang berhemah serta pelaksanaan strategi perniagaan yang mampan. Ringkasan kedudukan kewangan bagi tahun 2024 dan 2023 adalah seperti yang diperincikan di bawah:-

	Kumpulan		Kumpulan	
	2024	2023	2024	2023
	(RM JUTA)		(RM JUTA)	
Perolehan	30.24	57.20	64.63	51.89
Keuntungan/ Kerugian (Sebelum cukai)	(36.31)	73.07	12.18	41.78
Cukai	(18.74)	(18.96)	(1.91)	(18.02)
Zakat	0.00	(1.90)	0.00	1.90
Keuntungan/ Kerugian Bersih tahun semasa	(17.56)	52.20	10.26	21.86

5.7 PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR)

Sepanjang tahun 2024, PKNP telah melaksanakan pelbagai inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) sebagai sebahagian daripada komitmen berterusan organisasi terhadap kesejahteraan masyarakat dan pembangunan sosial. Inisiatif-inisiatif ini merangkumi penyaluran bantuan kewangan kepada golongan yang memerlukan, sumbangan berkaitan persekolahan serta pelaksanaan program berasaskan komuniti yang memberi impak positif secara langsung kepada penerima. Pelaksanaan program-program ini mencerminkan peranan PKNP sebagai sebuah agensi pembangunan negeri yang prihatin dan bertanggungjawab terhadap komuniti setempat, sepertimana diperincikan berikut:

BIL	NAMA PROGRAM	TARIKH
1.	PROGRAM 'BACK TO SCHOOL' SUNTIK SEMANGAT MURID ASNAF KE SEKOLAH	16 JANUARI 2024
2.	PROGRAM MEMASAK DAN AGIHAN GULAI KAWAH SEMPENA IHYA RAMADAN 1445H	14 MAC 2024
3.	SUMBANGAN ZAKAT PKNP KEPADA PERSATUAN CHINESE MUSLIM MALAYSIA (MACMA) CAWANGAN PAHANG	19 MAC 2024
4.	SUMBANGAN KEPADA ANAK YATIM DAN PUSAT TAHFIZ DI INDERA SEMPURNA DAN KAMPUNG KEMPADANG, KUANTAN	1 APRIL 2024
5.	PROGRAM INFAQ RAMADAN RUMAH ANAK YATIM	4 APRIL 2024
6.	SUMBANGAN ZAKAT DI TEMERLOH DAN JERANTUT	5 APRIL 2024
7.	SUMBANGAN KEPADA GOLONGAN ASNAF DAN ANAK YATIM DI KAWASAN DUN BEBAR	8 APRIL 2024
8.	SUMBANGAN KEPADA GOLONGAN ASNAF DI JPKK KAMPUNG	26 APRIL 2024
9.	SUMBANGAN ZAKAT KEPADA GOLONGAN ASNAF DI KAWASAN DUN JENGKA	29 APRIL 2024
10.	MAJLIS PENYERAHAN MASJID KAMPUNG LIPAT KAJANG, TEMERLOH	18 MEI 2024
11.	SUMBANGAN ZAKAT KEPADA MURID-MURID ASNAF SEKOLAH BERASRAMA PENUH INTEGRASI KUANTAN	20 MEI 2024
12.	SUMBANGAN ZAKAT KEPADA MURID-MURID ASNAF SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TELUK CEMPEDAK, KUANTAN	15 JULAI 2024
13.	SUMBANGAN KEPADA SEKOLAH NENASI, PEKAN	9 OKTOBER 2024
14.	PROGRAM FUN WALK DI TAMAN SERI MAHKOTA AMAN, KUANTAN	17 NOVEMBER 2024
15.	KARNIVAL KOMUNITI PAYA BESAR @ GUGUSAN BUKIT SAGU	1 DISEMBER 2024
16.	KARNIVAL KERJAYA WANITA PAHANG 2024	12 DISEMBER 2024

PRESTASI MENGIKUT SEKTOR

SEKTOR PERINDUSTRIAN

DATA-DATA PELABURAN 2024

- **PRESTASI PELABURAN MALAYSIA**

Pada tahun 2024, Malaysia berjaya menarik pelaburan yang diluluskan berjumlah RM378.5 bilion, melibatkan sektor perkhidmatan sebanyak RM252.7 bilion, perkilangan sebanyak RM120.5 bilion, dan sektor utama sebanyak RM5.3 bilion. Jumlah ini mencerminkan peningkatan sebanyak 14.9% berbanding RM329.5 bilion pelaburan yang diluluskan pada tahun 2023, sekali gus menandakan keyakinan berterusan pelabur terhadap prospek ekonomi negara.



(Sumber: Malaysian Investment Development Authority, MIDA)

Pelaburan Domestik (DI) menyumbang sebanyak 55.0% atau RM208.1 bilion daripada jumlah keseluruhan pelaburan yang diluluskan, manakala Pelaburan Asing (FI) menyumbang 45.0% atau RM170.4 bilion.

Dari segi sektor, sektor perkhidmatan menerajui sebahagian besar pelaburan dengan jumlah RM252.7 bilion, mewakili 66.8% daripada keseluruhan pelaburan yang diluluskan. Pencapaian ini merupakan peningkatan ketara sebanyak 50.1% berbanding RM168.4 bilion pelaburan yang diluluskan pada tahun sebelumnya.

Sektor perkilangan pula mencatatkan pelaburan berjumlah RM120.5 bilion, bersamaan 31.8% daripada jumlah pelaburan yang diluluskan, manakala sektor utama menyumbang sebanyak RM5.3 bilion.

Dari perspektif sumber Pelaburan Asing (FI), lima (5) negara penyumbang utama diterajui oleh Amerika Syarikat (RM32.8 bilion), diikuti Jerman (RM32.2 bilion), Republik Rakyat China (RM28.2 bilion), Singapura (RM27.3 bilion) dan Hong Kong SAR (RM7.4 bilion).

Dari segi agihan geografi, lima (5) negeri yang merekodkan pelaburan tertinggi yang diluluskan ialah Selangor (RM101.1 bilion), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (RM91.5 bilion), Johor (RM48.5 bilion), Kedah (RM45.8 bilion) dan Pulau Pinang (RM32.0 bilion).



(Sumber: Malaysian Investment Development Authority, MIDA)

Sebanyak 6,700 projek telah diluluskan, yang dijangka akan menjana 207,241 peluang pekerjaan baharu di seluruh negara. Kedua-dua aspek kelulusan projek dan penjanaan peluang pekerjaan ini menunjukkan peningkatan memberangsangkan dari tahun ke tahun, masing-masing sebanyak 31.3% dan 62.8%, sekali gus mencerminkan momentum pertumbuhan ekonomi yang positif serta keyakinan pelabur yang berterusan.

• PRESTASI PELABURAN PAHANG

Secara keseluruhannya, berdasarkan data Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) bagi tahun 2024, nilai pelaburan yang direkodkan di Negeri Pahang berjumlah RM3.929 bilion. Perincian prestasi pelaburan adalah seperti yang diperincikan :

PERKARA	NILAI
Pelaburan Tempatan	*RM2.836 Bilion*
Pelaburan Asing	*RM1.092 Bilion*

Pelaksanaan promosi dan penyelarasan pelaburan di Negeri Pahang kini dilaksanakan melalui sekretariat penjenamaan “Invest Pahang”, yang digunapakai sebagai platform utama bagi semua pelaburan yang masuk ke negeri ini. Sekretariat ini melibatkan keahlian daripada jabatan dan agensi Kerajaan Negeri Pahang, termasuk syarikat berkaitan kerajaan negeri (S-GLC), serta rakan-rakan strategik yang berkaitan dalam ekosistem pelaburan negeri.

PKNP, selaku agensi Kerajaan Negeri Pahang, terus memainkan peranan strategik dalam Sektor Perkilangan Negeri Pahang dengan berfungsi sebagai pusat sehenti (One-Stop Agency) bagi para pelabur. Sepanjang tahun 2024, beberapa siri mesyuarat dan sesi libat urus telah diadakan bersama para pelabur, dengan penglibatan wakil-wakil agensi teknikal Kerajaan Negeri Pahang, bagi membincangkan serta menyelaras isu-isu yang dihadapi pelabur, khususnya berkaitan permohonan yang memerlukan kelulusan di peringkat agensi teknikal.

• PENCAPAIAN PKNP 2024

Bagi tahun 2024, melalui Bahagian Perindustrian PKNP, sebanyak empat belas (14) perjanjian sewaan/pajakan baharu serta enam (6) jualan tapak perindustrian telah berjaya dimeterai, sekali gus menyumbang secara langsung kepada aliran masuk pendapatan PKNP. Berikut merupakan senarai syarikat yang telah menandatangani perjanjian sewaan, pajakan atau jualan sepanjang tahun 2024:-

Bil	Nama Syarikat (Sewaan / Pajakan / Jualan)	Kawasan Perindustrian
1.	Aras HMNT Sdn. Bhd.	Padang Tengku Lipis
2.	Blackstone Mining Sdn. Bhd.	Sg. Temau, Lipis
3.	Cabaran Rapi Sdn. Bhd.	Kg. Tg Agas Pekan
4.	En Wan Mohd Faisal Bin Wan Sudin	Harbour Park
5.	Gebeng Auto Workshop	Harbour Park
6.	Haseman Workshop	Harbour Park
7.	Nazana Enterprise	Harbour Park
8.	Gading Senggara Property Sdn. Bhd.	Gebeng III
9.	Intelligent Point Sdn. Bhd.	Gebeng III
10.	Kishobor International Sdn. Bhd.	Harbour Park
11.	M.N.S Diamond Resources Sdn. Bhd.	Harbour Park
12.	RT Development & Engineering Sdn. Bhd.	BIM
13.	Timur Crane Services Sdn. Bhd.	Gebeng II
14.	Wawasan Setiamas Sdn. Bhd.	Harbour Park
15.	Keyson Internaional Sdn. Bhd.	Bentong
16.	Kicap Bentong Sdn. Bhd.	Bentong
17.	BH Setia Group Sdn. Bhd.	Gebeng II
18.	Pelita Biaga Sdn. Bhd.	Gebeng II
19.	Advance Achieve Property Mgt Sdn. Bhd.	Gebeng II
20.	BH Setia Group Sdn. Bhd.	Gebeng II

• PROGRAM PROMOSI PELABURAN DI NEGERI PAHANG 2024

Usaha-usaha mempromosikan tanah perindustrian sentiasa dipertingkatkan melalui kerjasama strategik dengan pelbagai agensi promosi Kerajaan Negeri, termasuk Perbadanan Setiausaha Kerajaan Pahang (PSK), Pahang Corporation, Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP), Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Majlis Pembangunan Ekonomi Wilayah Pantai Timur (ECERDC) serta agensi lain yang terlibat.

Antara program dan inisiatif yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2024 adalah seperti berikut:-

BIL	PERKARA
1.	Penyertaan dalam Selangor International Business Summit di bawah payung branding Invest Pahang (25 - 27 Julai 2024)
2.	Penyertaan dalam World Fujian Convention 2024 (7-9 November 2024)
3.	Pengemaskinian laman sesawang “Invest In Pahang” www.investinpahang.gov.my (sepanjang tahun)
4.	Lawatan fasiliti ke kilang-kilang pelabur di seluruh Negeri Pahang (sepanjang tahun)

Berikut merupakan gambar-gambar aktiviti sepanjang tahun 2024 dibawah seliaan Bahagian Perindustrian PKNP:-





Lawatan bersama Exco YB. Dato Mohamad Nizar ke Kawasan Perindustrian Bentong (ND Paper Sdn. Bhd.)


@ PATA BESAR PAHANG





























- **PENUTUP**

Tahun 2024 merupakan tahun yang baik bagi Malaysia, dengan pertumbuhan KDNK yang kukuh, perkembangan pesat dalam pelaburan dan sektor teknologi, serta sokongan daripada pemulihan perdagangan dan pelaksanaan inisiatif hijau. Pencapaian ini memperkukuh dasar negara menuju status berpendapatan tinggi dan memacu transformasi ekonomi jangka panjang yang mampan.

Sebagai salah satu agensi pelaksana pelaburan dalam sektor perkilangan Negeri Pahang, PKNP sentiasa bersedia memainkan peranan proaktif dalam membantu pelabur baru yang berpotensi untuk bertapak dan beroperasi di negeri ini, selaras dengan usaha untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi Pahang secara keseluruhan.

SEKTOR HARTANAH

PROJEK KOMERSIL

Projek Komersil, iaitu Projek Perumahan Chemperoh Fasa 1 yang terletak di Janda Baik, Daerah Bentong, melibatkan 71 unit rumah, dijangka siap pada Suku Pertama 2025. Komponen pembangunan bagi projek ini adalah seperti berikut:-

Cadangan Projek:
Perumahan Chemperoh Fasa 1

Komponen / Jenis Pembangunan	Jumlah Unit	Status 2024
Rumah Berkembar	6	Projek dijangka siap pada Suku Pertama 2025
Rumah Teres A	39	Kemajuan kerja sehingga Disember 2024 telah mencapai 98%.
Rumah Teres B	26	
Jumlah	71	

PROJEK USAHASAMA

Status projek-projek cadangan usahasama yang lain adalah seperti yang diringkaskan dalam jadual di bawah:-

Cadangan Projek	Komponen / Jenis Pembangunan	Unit	Status 2024
Perumahan Bandar Baru Chendor (RT Development Engineering Sdn Bhd)	Rumah Berkembar Rumah Teres	22	Fasa 1 yang mempunyai 22 unit rumah teres 1 tingkat telah memperolehi CCC pada 24 Disember 2024. Setakat Disember 2024,10 salinan borang Pindahmilik 14A berserta geran asal telah diserahkan kepada RTDE bagi penyempurnaan dokumen suratcara Borang Pindahmilik.
Perumahan Bandar Baru Chendor (Majutera Makmur Sdn Bhd)	Rumah Teres Rumah Sesebuah Rumah Berkembar	170	Pemaju dalam tindakan untuk menyiapkan pelan topografi seterusnya mengadakan perbincangan bersama PKNP mengenai hala tuju projek.
Projek Usahasama Pembangunan Perumahan yang mengandungi 300 unit rumah di Taman Saujana Utama, Jerantut (Pembinaan Jaya Depan Sdn Bhd)	Rumah Teres Rumah Berkembar	82	Setakat Disember 2024, 8 salinan borang Pindahmilik 14A berserta geran asal telah diserahkan kepada PJDSB proses penyempurnaan dokumen suratcara Borang Pindahmilik.
Projek Usahasama Pembangunan Perumahan yang mengandungi 93 unit rumah di Kampung Berchang, Mukim Telang, Lipis (Pembinaan Jaya Depan Sdn Bhd)	Rumah Teres Rumah Berkembar	93	Pemaju dijangka masuk tapak pada Februari 2025 setelah kelulusan pelan Hoarding dan Borang B diperolehi.
1. Cadangan Projek Membaik Pulih 186 Unit Skim Perumahan Kos Rendah (SPKR) Seluas 18 Ekar di Taman Jaya Diri, Mukim Chenor, Daerah Maran, Pahang dan Subsidi Bersilang	Rumah Berkembar	186	Pada 9 Februari 2025, satu lawatan ke tapak projek perumahan telah diadakan dan dihadiri oleh YB Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Negeri Pahang. Pihak kontraktor telah menyiapkan 2 unit rumah contoh bagi tujuan lawatan tersebut dan memaklumkan bahawa status kemajuan projek adalah sebanyak 5%.
2. Cadangan Pembangunan Bercampur Di Atas Tanah Kerajaan Seluas 79.25 Ekar Di Sg Soi, Mukim Kuala Kuantan, Daerah Kuantan, Pahang Darul Makmur	Rumah Teres	300	Projek Usahasama subsidi bersilang antara PKNP dan LESB hanya akan dijalankan sekiranya Pemaju berjaya menyiapkan sebanyak 30% atau sekurangya sebanyak 55 unit kediaman kemajuan bagi projek SPKR telah siap.

PROJEK SOSIO-EKONOMI / RANCANGAN MALAYSIA KE-12 (RMK)

Bagi menyokong agenda pembangunan negara pada tahun 2024, PKNP telah melaksanakan empat (4) projek strategik melalui geran peruntukan Kerajaan Pusat di bawah pengawasan Kementerian Ekonomi. Kesemua projek ini telah diluluskan pada tahun 2024 dan sedang dipantau secara berterusan bagi memastikan pelaksanaan berjalan lancar mengikut perancangan.

Status terkini projek-projek tersebut sehingga Disember 2024 adalah seperti berikut:

Nama Projek	Komponen/ Jenis Pembangunan	Jumlah Unit	Status 2024
Pusat Pertumbuhan Desa di Kg. Panching	Kedai 1 1/2 Tingkat	4	Projek di dalam proses pembinaan dan kemajuan fizikal terkini 93%
Menaiktaraf Fasiliti Usahawan Kompleks Dagangan Mahkota	Naiktaraf Fasiliti	11	Projek di dalam proses pembinaan dan kemajuan fizikal terkini 95%
Pusat Pertumbuhan Desa Desa Murni, Kerdau	Kedai 2 Tingkat	8	Projek di dalam proses pembinaan dan kemajuan fizikal terkini 48%
Pembinaan Premis Usahawan Di Atas Lot 49651, Taman Teknologi Gambang, Kuantan	Premis 1 Tingkat	14	Projek di dalam proses pembinaan dan kemajuan fizikal terkini 3%

PROJEK SOSIO-EKONOMI /PROJEK KHAS BAWAH KEMENTERIAN EKONOMI

Projek-projek yang sebelum ini diluluskan peruntukan di bawah Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) pada tahun 2019 kini dipantau oleh EPU dan diselaraskan oleh PKNP. Jumlah projek berkenaan adalah seperti berikut:-

PROJEK BERIMPAK TINGGI

di Bawah Projek Khas MEA
(Kini dibawah Kementerian Ekonomi)

Jumlah Peruntukan Diluluskan

RM51.3 juta

77 PROJEK
61 Projek Sebutharga
(61 Projek Telah Siap)

16 PROJEK TENDER
13 projek telah siap
3 di dalam proses perlaksanaan kerja di tapak

Projek-projek yang diluluskan peruntukan di bawah Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) pada tahun 2022 dan 2023 kini dipantau oleh Kementerian Ekonomi dan berada di bawah penyelarasannya oleh PKNP. Jumlah projek berkenaan adalah seperti berikut:

Projek Berimpak Tinggi di Bawah Projek Khas MEA
(Kini dibawah Projek Khas Kementerian Ekonomi)

Tahun **2022**	**30** Projek	29 projek telah selesai, 1 projek dalam proses perlaksanaan.	**9** Juta Jumlah Peruntukan Diluluskan
Tahun **2023**	**48** Projek	25 projek dah siap, 13 projek dalam perlaksanaan, 9 projek dalam proses penyediaan sebut harga, 1 projek dalam proses perlantikan kontraktor.	**24** Juta Jumlah Peruntukan Diluluskan

Projek-projek yang diluluskan pada tahun 2024 oleh Kementerian Ekonomi dibawah Inisiatif Kemudahan Rakyat (IKR) di bawah penyelarasan PKNP dan jumlah projek adalah seperti berikut :-

Inisiatif Kemudahan Rakyat (IKR)

Tahun **2023**	**20** Projek	12 projek dan siap, 7 projek dalam perlaksanaan, 1 projek dalam proses sebut harga	**4** Juta Jumlah Peruntukan Diluluskan
Tahun **2024**	**1** Projek	1 projek dalam perlaksanaan kerja	**200** Ribu Jumlah Peruntukan Diluluskan

SEKTOR PEMBANGUNAN KOMUNITI DAN KEUSAHAWANAN

PRESTASI 2024

Bahagian Pembangunan Komuniti & Keusahawanan (BPKK) menumpukan fokus kepada golongan sasaran, iaitu usahawan yang mempunyai hubungan dengan PKNP, termasuk penyewa premis perniagaan, IKS, dan usahawan bimbingan PKNP. Selain itu, bagi memperluaskan capaian maklumat dan penyertaan, BPKK turut memanfaatkan platform media sosial seperti Facebook dan TikTok, yang membolehkan orang ramai mengikuti program-program secara siaran langsung (live).

PROGRAM TRANSFORMASI KEUSAHAWANAN PKNP

Melalui Program Transformasi Keusahawanan, PKNP telah menganjurkan sesi khidmat nasihat dan coaching secara individu atau dalam kumpulan kecil usahawan, bertujuan meningkatkan motivasi serta mencari solusi untuk mempersiapkan mereka menghadapi cabaran pasca COVID-19.

Peserta seterusnya disarankan untuk menyertai program-program latihan berkaitan yang dianjurkan oleh agensi terlibat, bagi memperkukuh kemahiran dan pengetahuan mereka. Selain itu, aktiviti pemadanan peluang perniagaan serta kemudahan yang disediakan oleh kerajaan turut diperkenalkan melalui siri Master Your Own Business (MYOB), sesi Padanan Perniagaan (Business Matching), dan Business Clinic (Pocket Talk).

LATIHAN KEUSAHAWANAN

Dalam usaha meningkatkan pengetahuan, pengalaman dan kemahiran usahawan Bumiputera, khususnya usahawan bimbingan PKNP, Bahagian Pembangunan Komuniti & Keusahawanan (PKK) telah mempergiatkan aktiviti latihan keusahawanan sepanjang tahun 2024.

Sebanyak 10 program latihan telah dijalankan melalui kolaborasi dengan agensi luar serta penganjuran PKNP sendiri, dengan penyertaan seramai 946 peserta. Modul latihan bagi tahun 2024 memberi fokus khusus kepada penjenamaan, pemasaran digital dan perniagaan dalam talian melalui media sosial, serta penerangan mengenai insentif dan kemudahan yang disediakan oleh kerajaan.

PROGRAM PEMBANGUNAN KOMUNITI

Pada tahun 2024, Bahagian Pembangunan Komuniti & Keusahawanan (PKK) telah menganjurkan dua program komuniti utama, iaitu:

1. Program Khidmat Masyarakat bersama Pahang Skills dan PKNP Agro Tech Sdn. Bhd. di Kampung Kuala Tahan, Jerantut; dan
2. Kursus Pengurusan Akaun – Jom Kira Untung Rugi Perniagaan Anda, yang dianjurkan dengan kerjasama Kolej Komuniti Kuantan.

Program-program ini bertujuan untuk memperkasa komuniti dan usahawan melalui latihan praktikal serta pembangunan kemahiran yang berimpak.

RUMUSAN

Sebanyak 12 program latihan dan bimbingan telah berjaya dilaksanakan pada tahun 2024, melibatkan lebih 946 peserta melalui penganjuran PKNP serta kerjasama dengan rakan strategik, NGO, dan agensi Kerajaan Negeri Pahang. Kesemua program ini dilaksanakan dengan perbelanjaan hanya RM5,182.40.

Pelbagai pendekatan latihan dan bimbingan telah digunakan, sama ada secara bersemuka atau dalam talian, bagi memastikan usahawan Negeri Pahang mendapat maklumat terkini, mengambil peluang daripada kemudahan kerajaan, dan meraih manfaat yang disediakan oleh pelbagai agensi.

Program Anjuran PKNP (Program Transformasi Keusahawanan PKNP)

Bil	Program	Tarikh	Penyertaan
1	Program Master Your Own Business (MYOB) Bersama Peniaga Kompleks Dagangan Mahkota	26.03.2024	20
2	Program Pocket Talk Bangkit! Kemudahan Pembiayaan Tanpa Faedah & Geran Digital Madani Dengan Kerjasama Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) dan Maxis Berhad	27.06.2024	50

Program Kerjasama Dengan Pihak Luar

Bil	Program	Tarikh	Penyertaan
1	Program Digitalisasi : Cabaran, Peluang & Insentif Terkini Dengan Kerjasama Dasar & Pelan Tindakan Wanita Pahang	22.02.2024	54
2	Kursus Start-Up Business & Digital Marketing Homestay Dengan Kerjasama Kolej Komuniti Pekan	07.05.2024	15
3	Program Usahawan MyFuture Jobs Bersama PERKESO	25.06.2024	39
4	Program Literasi Kewangan Bersama Bank Negara Malaysia	05.07.2024	55
5	Program Bimbingan & Pementoran Pemimpin & Pengusaha Wanita di Pahang Dalam Pengurusan Akaun, Percukaian dan Zakat Perniagaan Bersama Hub Usahawan Belia Pahang	28.10.2024	152
6	Kursus AI For Business Dengan Kerjasama Malaysia Digital Economic Corporation (MDEC)	06.11.2024	61
7	Karnival Kerjaya Wanita Pahang Dengan Kerjasama Dasar & Pelan Tindakan Wanita Pahang Dan PERKESO	11&12.12.2024	420
8	Kursus Imej & Solekan Dengan Kerjasama Dasar & Pelan Tindakan Wanita Pahang dan Kolej Komuniti Kuantan	11&12.12.2024	20

Program Komuniti

Bil	Program	Tarikh	Penyertaan
1	Program Khidmat Masyarakat Bersama Pahang Skills & PKNP Agro Tech Sdn Bhd	16-18.05.2024	30
2	Kursus Pengurusan Akaun - Jom Kira Untung Rugi Perniagaan Anda dengan Kerjasama Kolej Komuniti Kuantan	29.10.2024	30

SEKTOR PELABURAN

Secara keseluruhannya, PKNP mempunyai enam (6) anak syarikat dengan **pegangan penuh 100%** sepertimana berikut:-

Tahun Ditubuhkan
1999

Nama Syarikat
PKNP Mineral Industries Sdn Bhd

Sektor
Perlombongan

Tahun Ditubuhkan
1992

Nama Syarikat
PKNP Agro-Tech Sdn Bhd

Sektor
Perladangan

Tahun Ditubuhkan
1994

Nama Syarikat
RT Development & Engineering

Sektor
Hartanah

Tahun Ditubuhkan
1998

Nama Syarikat
Rumpun Timur Sdn Bhd

Sektor
Agri - Business

Tahun Ditubuhkan
1989

Nama Syarikat
BCIC Holdings Sdn Bhd

Sektor
Penyewaan Fasiliti

Tahun Ditubuhkan
1993

Nama Syarikat
Realistic Attraction Sdn Bhd

Sektor
Textile

PKNP MINERAL INDUSTRIES SDN BHD (PMISB)

Operasi syarikat tertumpu dalam membantu pelaksanaan kutipan hasil perlombongan bagi pihak PKNP untuk sepuluh (10) projek perlombongan PKNP serta dua (2) projek penswastaan perlombongan yang masih aktif.



PKNP AGRO -TECH SDN BHD (PASB)

Syarikat PKNP Agro -Tech Sdn Bhd (PASB) bertanggungjawab menguruskan ladang kelapa sawit yang merangkumi penanaman dan penjualan hasil tanaman bagi pihak PKNP. Berikut merupakan senarai ladang yang diuruskan oleh syarikat:



Projek	Lokasi	Keluasan (ek)
Ladang Mukim Ganchong	Ganchong, Pekan	4,770
Ladang Mukim Hulu Tembeling	Sg. Kembir, Jerantut	10,000
Ladang Rompin	Kg. Sembayan Rompin	1,000

PKNP MINERAL INDUSTRIES SDN BHD (PMISB)

Syarikat RT Development & Engineering Sdn Bhd (RTDE) ditubuhkan untuk membangunkan sektor hartanah di sekitar Negeri Pahang dalam memenuhi hasrat dan keperluan seluruh rakyat Pahang untuk memperoleh rumah mampu milik dan berkualiti.

Antara projek yang telah siap dilaksanakan adalah seperti Sinaran Mahkota, Mahkota Triangle, The Oasis dan Peramu Permai Fasa 1 & 2.

Syarikat juga sedang menjalankan dan menyiapkan beberapa projek seperti Seberang Balok dan Peramu Permai Fasa 4A yang dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2023. Selain itu juga, Syarikat sedang merancang pembangunan pada tahun 2023 - 2025 yang menyasarkan beberapa projek baru seperti Chendor, Peramu Permai Fasa 4B & 4C dan juga pembangunan tanah milik di Ketapang, Pekan.

RUMPUN TIMUR SDN BHD (RTSB)

Operasi syarikat Rumpun Timur Sdn Bhd (RTSB) tertumpu kepada perniagaan sewa pajak bagi projek akuakultur, projek solar dan ladang kelapa sawit serta sewaan reban.





BCIC HOLDINGS SDN BHD (BCIC)

Syarikat BCIC Holdings Sdn Bhd (BCIC) bergiat dalam pengendalian kursus / seminar dan juga penyewaan fasiliti. Terkini, syarikat juga mengendalikan pengurusan rumah - rumah rehat kerajaan Negeri Pahang di Raub, Jerantut dan Bera.

REALISTIC ATTRACTION SDN BHD (RASB)

Syarikat Realistic Attraction Sdn. Bhd. (RASB) bergiat dalam penghasilan kain tenun Pahang Diraja. Syarikat juga menghasilkan barangan seperti bag, kasut, dan tali leher yang berasaskan tenun. Terkini, syarikat menyediakan khidmat menghasilkan baju korporat bagi agensi - agensi di sekitar Negeri Pahang.



PRESTASI ANAK - ANAK SYARIKAT PKNP

Pada tahun 2024, semua anak syarikat PKNP telah menunjukkan perkembangan positif, namun terdapat juga syarikat yang sedang berusaha untuk kembali menapak dan mencari perniagaan baru. Secara keseluruhannya, prestasi anak - anak syarikat PKNP adalah amat baik apabila berjaya mencatatkan keuntungan. Ringkasan prestasi keseluruhan syarikat adalah seperti berikut:

- ### PKNP AGRO-TECH SDN BHD (PASB)

  Syarikat PASB telah mencatatkan peningkatan dalam pendapatan berbanding tahun 2023 sebanyak 35% apabila memperolehi RM 36.75 juta berbanding RM 27.27 juta pada tahun sebelumnya. Manakala Keuntungan Sebelum Cukai yang diperoleh adalah sebanyak RM 11.25 juta berbanding RM 2.77 juta yang dicapai pada tahun sebelumnya. Faktor utama kepada prestasi ini adalah peningkatan pengeluaran Buah Tandan Segar pada tahun 2024 iaitu 38,322 MT berbanding 31,897MT pada tahun 2023. Harga sawit yang tinggi juga membantu peningkatan pendapatan pada tahun 2024 ini.

- ### PKNP MINERAL INDUSTRIES SDN BHD (PMISB)

  Syarikat PMISB telah memperoleh pendapatan sebanyak RM 0.70 juta berbanding RM 0.84 juta pada tahun 2023. Manakala Keuntungan Sebelum Cukai yang diperoleh adalah sebanyak RM 0.25 juta berbanding 0.42 juta pada tahun sebelumnya. Bagi memastikan kutipan dapat diperolehi sepertimana yang dibajetkan, PMISB telah merangka strategi kutipan hutang yang lebih agresif pada tahun ini.

- ### REALISTIC ATTRACTION SDN BHD (RASB)

  Syarikat PTPS telah mencatat peningkatan sebanyak 36% dalam pendapatan iaitu RM 1.73 juta berbanding RM 1.27 juta pada tahun 2023. Manakala Keuntungan Sebelum Cukai pada tahun 2024 adalah sebanyak RM 0.26 juta berbanding RM 0.12 juta pada tahun sebelumnya. Pada tahun 2024, permintaan kain tenun masih memberangsangkan terutamanya daripada agensi-agensi kerajaan negeri dan persekutuan serta aktiviti-aktiviti promosi yang proaktif.

- **RT DEVELOPMENT & ENGINEERING SDN BHD (RTDE)**

  Syarikat RTDE mencatatkan peningkatan dalam pendapatan pada tahun 2024 sebanyak 148% apabila memperoleh sebanyak RM 19.59 juta berbanding RM 7.91 juta pada tahun sebelumnya. Namun begitu, syarikat terpaksa menanggung kerugian sebanyak RM 3.76 juta pada tahun 2024 berbanding RM 0.3 juta pada tahun sebelumnya. Hal ini adalah kesan kepada penjualan unit yang tidak mencapai sasaran serta kemajuan kerja yang perlahan. Walaupun begitu, projek Chendor telah berjaya memperolehi CCC pada tahun 2024 dimana perancangannya adalah pada tahun 2025.

- **BCIC HOLDINGS SDN BHD (BCIC)**

  Syarikat BCIC mencatatkan peningkatan pendapatan sebanyak 26% dengan memperoleh RM 1.99 juta berbanding RM 1.58 juta pada tahun sebelumnya. BCIC turut mencatatkan penurunan dalam kerugian yang ditanggung iaitu RM 0.05 berbanding RM 0.20 juta pada tahun sebelumnya berikutan syarikat perlu menanggung kos operasi yang tinggi untuk Rumah Rehat Raub dan Bera.

- **RUMPUN TIMUR SDN BHD (RTSB)**

  Syarikat RTSB memperoleh pendapatan sebanyak RM 1.29 juta berbanding RM 1.27 juta yang dicatat pada tahun sebelumnya. Syarikat turut mencatatkan peningkatan dalam Keuntungan Sebelum Cukai apabila berjaya memperoleh senyak RM 0.34 juta berbanding RM 0.33 juta pada tahun sebelumnya.

- **PASCORP PAPER INDUSTRIES BERHAD (PPISB)**

  Syarikat PPI telah mencatatkan peningkatan dalam pendapatan pada tahun 2024 sebanyak RM 164.24 juta berbanding RM 124.76 juta yang dicatat pada tahun sebelumnya. Namun begitu, syarikat telah menanggung Kerugian Sebelum Cukai pada tahun 2024 sebanyak RM 52.27 juta berbanding RM 44.29 juta pada tahun sebelumnya. Hal ini adalah berikutan kos pengeluaran terkumpul daripada Januari sehingga Disember 2024 mempengaruhi kos inventori dan kos bahan mentah meningkat sekurang-kurangnya 3%.

SEKTOR PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

Struktur Organisasi PKNP telah diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif, seorang (1) orang Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Pengurusan, seorang (1) Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Pembangunan, seorang (1) dan sebelas (11) orang Pengurus/Pemangku Pengurus Bahagian /Unit sepertimana berikut:

Ketua Pegawai Eksekutif YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Datin Hajah Noraskin binti Jamaludin
Setiausaha Perbadanan Encik Mohd Razif bin Abdul Malek

Pengurus Bahagian ICT - Puan Nor Azilah binti Abdul Aziz
Pengurus Bahagian Pemasaran & Pengurusan Harta - Puan Noraini binti Misran
Pengurus Bahagian Kewangan - Encik Dino Rizal bin Kamaruzzaman
Pengurus Bahagian Pembangunan Komuniti - Encik Nasry bin Kassim & Keusahawanan
Pengurus Bahagian Khidmat Perundangan - Puan Salwa binti Mohd Kasim
Pengurus Bahagian Pentadbiran & Sumber Manusia - Puan Nooremi binti Musa
Pengurus Bahagian Pembangunan Hartanah - Encik Azis bin Muhamad
Pengurus Unit Audit Dalam - Puan Liza binti Omar
Pengurus Unit Pengurusan Kualiti, Risiko & Integriti - Puan Marlia binti Osman
Pemangku Pengurus Bahagian Perindustrian - Encik Mohd Rizal bin Redzuan
Pemangku Pengurus Bahagian Teknik - Encik Issma Rohaizad bin Abdul Wahab
Bahagian Hal Ehwal Korporat - Diurus selia oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan)
Unit Pemantauan Perniagaan - Diurus selia oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan)

Carta Organisasi PKNP berserta fungsi adalah seperti di Lampiran.

Sehingga Disember 2024 bilangan anggota pekerja PKNP adalah berjumlah 156 orang dengan pecahan kumpulan perkhidmatan seperti di bawah :

Pengurusan Atasan - 3 orang
Kumpulan Pengurusan & Profesional - 44 orang
Kumpulan Pelaksana - 112 orang

Sepanjang tahun 2024, PKNP telah melantik seramai sembilan (9) orang anggota pekerja baru dan seramai tiga (3) orang anggota pekerja telah bersara paksa/pilihan. Seterusnya, PKNP juga telah melantik tiga (3) orang Eksekutif Pelatih bagi menjalani Program Eksekutif Pelatih Siri 6 Tahun 2024/2025 untuk melatih para graduan dalam bidang pekerjaan.

Bagi memantapkan pengurusan PKNP serta peluang kerjaya kepada anggota pekerja, empat (4) orang anggota pekerja telah menerima kenaikan pangkat ke pelbagai jawatan/gred dan secara Timed-Based berasaskan kecemerlangan (TBK 1).

Berdasarkan laporan nilaian prestasi tahunan 2023, seramai lapan (8) orang anggota pekerja telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Anggota Pekerja PKNP Sempena Hari Pekerja.

PELAKSANAAN KURSUS & LATIHAN

Dalam Tahun 2024, sebanyak RM191,429.40 telah dibelanjakan bagi penganjuran kursus dalaman dan luaran untuk anggota pekerja PKNP. Sebanyak 6 Kursus dalaman telah diadakan bagi meningkatkan serta memperkasa pengetahuan tenaga kerja kumpulan pengurusan & professional dan kumpulan pelaksana. Fokus diberikan melalui pelaksanaan Kursus Tatacara Perolehan Berdasarkan Pekeliling Perolehan Kerajaan, Bengkel Pengenalan & Pembangunan Projek Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK), Kursus Keselamatan Anggota Pekerja PKNP, Kursus Keselamatan Anggota Pekerja PKNP dan Bengkel Pelaksanaan Dan Penyediaan Dokumen MyPerformance - Modul Pemadanan Kamus Kompetensi Fungsian bagi mempertingkatkan kefahaman dan kemahiran pegawai tersebut serta pelaksanaan Kursus Terapi Kelompok & Pengurusan Stress Dalam Pekerjaan bagi memberikan pendedahan dan teknik untuk mengaplikasikan pengurusan stress dalam tugas harian di pejabat.

Seterusnya, bagi memantapkan budaya dan penerapan nilai-nilai murni, Program Tazkirah Ramadhan dan Kuliah Tafsir Al-Quran juga diadakan sepanjang tahun di samping sesi Ceramah bertajuk “ESG Memacu Produktiviti” oleh Pihak Majlis Bandaraya Kuantan turut diadakan bersempena Sambutan Hari Inovasi PKNP Tahun 2024 sebagai salah satu program yang memacu pembudayaan dan pemerkasaan inovasi kepada seluruh anggota pekerja PKNP sekaligus menggerakkan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK).

Selain itu, secara keseluruhannya, sebanyak 156 orang anggota pekerja atau 100% telahpun mencapai kriteria 7 hari bekursus sehingga bulan Disember 2024 sepertimana yang telah dipersetujui di dalam di dalam Mesyuarat Pengurusan Bil 2/2024 berdasarkan surat edaran dari Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang yang mensyaratkan bahawa keperluan kecukupan kursus akan menjadi salah satu syarat untuk urusan kenaikan pangkat/kemajuan kerjaya serta pencalonan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang akan datang.

KOS RAWATAN ANGGOTA PEKERJA TAHUN 2023

Bagi tahun 2024, PKNP telah membelanjakan sebanyak RM240,485.40 bagi rawatan Klinik Panel dan Bukan Klinik Panel, bayaran Dialisis Yayasan Pusat Hemodialisis/KCDC, perbelanjaan rawatan di Institut Jantung Negara (IJN) / Hospital, dan Klinik Panel Rawatan Pergigian serta lain-lain rawatan. Pihak Pengurusan telah bersetuju untuk penambahbaikan kemudahan rawatan pergigian dipanjangkan kepada pembiayaan cermin mata dimana anggota pekerja diberi pilihan sama ada mendapatkan kemudahan rawatan pergigian atau pembelian cermin mata (salah satu atau keduanya dengan kadar tuntutan sebanyak RM200.00 setahun).

Selain itu, Anggota pekerja juga diberi Insentif Insurans dibawah Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad dengan jumlah premium sebanyak RM421,677.02 setahun.

MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN

Perlantikan Ahli Jawatankuasa Pekerja Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang bagi tempoh 20 April 2024 sehingga 19 April 2026 telah diadakan pada 18 April 2024. Seramai 10 orang anggota pekerja telah dilantik sebagai Ahli Pihak Pekerja MBJ PKNP sepertimana senarai nama di bawah :

1. Sr Ahmad Nur Azrul bin Che Rezali - Pengerusi
2. Encik Wan Muhammad Hanif Bin Wan Abd Hamid - Setiausaha
3. Tuan Syed Rashid bin Syed Rainuddin
4. Puan Nornazirah binti Abdullah
5. Encik Hairil Izzat bin Abd Razak
6. Encik Mohd Hanafi bin Mohamad
7. Encik Baharudin bin Ismail
8. Puan Shajatul Saira Aina binti Mohammed Samsudin
9. Encik Mohamad Amirul bin Hanzah
10. Puan Siti Norasimah Binti Miswan

Seterusnya, pelaksanaan Mesyuarat MBJ PKNP telah ditetapkan sebanyak tiga (3) kali setahun semenjak tahun 2021 dan sehingga kini (2024) PKNP telah berjaya melaksanakannya dengan jayanya. Selain itu, PKNP juga berjaya dalam mengekalkan penarafan Anugerah 5 Bintang bagi Anugerah Kecemerlangan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) HRMIS.

SEKTOR PENGURUSAN ICT

Pengurusan ICT terbahagi kepada dua (2) aktiviti utama

PEROLEHAN ALAT SISTEM KOMPUTER

Perolehan peralatan yang telah dilaksanakan bagi alat sistem komputer dan sistem rangkaian PKNP adalah mengikut bajet yang telah diluluskan bagi tahun 2024 dengan tumpuan kepada pengguna sistem kritikal dan bisnes utama PKNP.

Penggantian Server PKNP telah dilaksanakan pada suku pertama 2024. Ia bagi menggantikan server yang telah berusia dan berisiko kegagalan berfungsi. Selain itu perolehan bagi tujuan penaiktarafan bilik mesyuarat untuk kegunaan mesyuarat-mesyuarat pengurusan dibuat dengan menambahbaik fungsi audio dan visual yang lebih baik disamping ciri-ciri penggunaan video conferencing. Pembangunan Portal rasmi PKNP untuk paparan baru dan fungsi terkini bagi memenuhi keperluan kriteria laman web kerajaan (SPLASK) telah mula go live pada 8 November 2024.

Bagi menjamin keselamatan data-data terutama data perakaunan penggunaan penyahsulitan (encryption) telah dibuat dan mula digunakan. Selain itu perlaksanaan kesemua transaksi invois telah mula menggunakan aplikasi e-invois yang merepresentasikan dalam bentuk digital bagi transaksi yang dilaksanakan antara PKNP dan pihak penyewa atau pembeli. E-Invois menggantikan penggunaan dokumen kertas atau elektronik seperti dalam format PDF, JPEG, DOC dan lain-lain.

Selain perolehan telah dibuat bagi mendapatkan konsultansi berkaitan keselamatan sistem dan rangkaian komputer. Ini bagi menjamin kesemua sistem dan rangkain komputer dalam keadaan selamat dan tiada risiko pencerobohan.

PERKHIDMATAN DAN PENYELENGGARAAN ALAT SISTEM KOMPUTER

Aktiviti penyelenggaraan alat sistem komputer telah dilaksanakan mengikut perancangan sama ada secara berjadual atau hasil pemantauan dan aduan yang diterima. Bagi sistem kritikal, PKNP terus mendapatkan sokongan dengan pembekal sistem melalui kontrak.

Lain-lain aktiviti melibatkan pembaharuan domain dan perkhidmatan hosting serta langganan perisian bagi memenuhi keperluan PKNP. Senggaraan perkakasan dan sistem telah dilakukan secara dalaman bagi perkakasan dan sistem di bawah tanggungjawab ICT. Khidmat sokongan/khidmat nasihat kepada Bahagian/Unit di PKNP dan anak syarikat milik penuh PKNP juga telah diberikan mengikut keperluan semasa. Selain itu, perkhidmatan yang disediakan termasuk pengurusan stok ink dan toner, kemudahan pinjaman notebook serta khidmat teknikal ICT kepada pihak pengurusan dan anggota pekerja PKNP dalam pengurusan majlis / mesyuarat PKNP / latihan dan bimbingan berkaitan digital / ICT.

PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL (CSR)

Pelaksanaan program-program tanggungjawab social mencerminkan peranan PKNP sebagai sebuah agensi pembangunan negeri yang prihatin dan bertanggungjawab terhadap komuniti setempat sepertimana perincian berikut:-

PROGRAM 'BACK TO SCHOOL' SUNTIK SEMANGAT MURID ASNAF KE SEKOLAH – 16 JANUARI 2024

Program ini menyasarkan pemberian barangan sekolah kepada seramai 30 orang murid asnaf Sekolah Kebangsaan Tanah Putih Baru telah dihadiri oleh Pengerusi Puspanita PKNP, YBhg. Datin Zuhaira binti Zainordin dan Timbalan Pengerusi Puspanita PKNP, YBhg. Datin Hajah Noraskin binti Jamaludin.



PROGRAM MEMASAK DAN AGIHAN GULAI KAWAH SEMPENA IHYA RAMADAN 1445H – 14 MAC 2024



Penganjuran program yang dibuat saban tahun ini melibatkan sebilangan anggota pekerja PKNP yang bergotong-royong dalam penyediaan bahan masakan sehingga ke proses akhir iaitu pengagihan gulai kawah kepada kakitangan PKNP, jabatan/organisasi di Kompleks Teruntum serta orang awam.

SUMBANGAN ZAKAT PKNP KEPADA PERSATUAN CHINESE MUSLIM MALAYSIA (MACMA) CAWANGAN PAHANG – 19 MAC 2024

Majlis yang dihadiri oleh seramai 220 orang yang terdiri daripada mualaf dari Persatuan MACMA serta jabatan/ agensi Kerajaan Negeri Pahang turut menyaksikan sesi penyerahan sumbangan zakat PKNP kepada golongan mualaf yang dikategorikan sebagai kurang berkemampuan iaitu seramai 108 orang.



SUMBANGAN KEPADA ANAK YATIM DAN PUSAT TAHFIZ DI INDERA SEMPURNA DAN KAMPUNG KEMPADANG, KUANTAN – 1 APRIL 2024

Ketua Pegawai Eksekutif, YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar telah berkesempatan melawat ke Pusat Pengajian Pra Tahfiz Darul Hafidz (PUTRA) bertempat di Indera Sempurna, Kuantan bagi penyerahan cek sumbangan kepada pusat pengajian ini yang dihuni oleh seramai 30 orang pelajar, sementara Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) PKNP, Y.Bhg. Datin Hajah Noraskin binti Jamaludin pula telah berkunjung ke Rumah Kebajikan Anak Yatim Nur Iman di Kg Kempadang, Kuantan bagi penyerahan cek sumbangan bagi membantu pengurusan dan pentadbiran anak-anak yatim seramai 83 orang yang menetap di sana.

PROGRAM INFAQ RAMADAN RUMAH ANAK YATIM – 4 APRIL 2024

PKNP telah mengambil inisiatif menganjurkan Program Infaq Ramadan PKNP 2024 sebagai salah satu program Ihya Ramadan dengan menaja berbuka puasa anak - anak yatim dari pelbagai Pertubuhan dan Institusi yang berdaftar di sekitar daerah Kuantan.

Dalam Program Infaq Ramadan tersebut, PKNP juga telah menyerahkan sumbangan zakat kepada anak-anak yatim untuk ketiga-tiga hari penganjuran yang mana sumbangan telah disampaikan oleh Pengurusan Tertinggi PKNP.



SUMBANGAN ZAKAT DI TEMERLOH DAN JERANTUT – 5 APRIL 2024



Program sumbangan ini dimulakan di perkarangan rumah Dato' Sri Syed Ibrahim Syed Ahmad, Exco Hal Ehwal Agama Islam, Pembangunan Luar Bandar dan Hal Ehwal Orang Asli dengan menyaksikan sumbangan zakat PKNP kepada seramai 100 orang asnaf. Seterusnya, program serahan sumbangan diteruskan di Daerah Jerantut dengan sesi penyerahan zakat kepada 30 murif asnaf dan yatim di SK Damak dan 25 pelajar asnaf SMK Damak serta 40 asnaf di Kampung Damak serta pemberian duit raya kepada anak-anak di sana.

SUMBANGAN KEPADA GOLONGAN ASNAF DAN ANAK YATIM DI KAWASAN DUN BEBAR – 8 APRIL 2024

PKNP telah menyerahkan sumbangan kepada 71 penerima di kawasan Dun Bebar yang terdiri daripada 36 orang asnaf dan 35 orang anak yatim.





SUMBANGAN KEPADA GOLONGAN ASNAF DI JPKK KAMPUNG NENASI – 26 APRIL 2024

PKNP yang dihadiri oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan), Encik Mohd Razif bin Abdul Malek bagi mewakili Ketua Pegawai Eksekutif PKNP telah menyampaikan sumbangan kepada 138 orang penerima yang terdiri daripada golongan miskin, pesakit kronik dan ibu tunggal.



SUMBANGAN ZAKAT KEPADA GOLONGAN ASNAF DI KAWASAN DUN JENGKA – 29 APRIL 2024



YH Dato' Ketua Pegawai Eksekutif PKNP telah mengiringi YAB Menteri Besar Pahang selaku Pengerusi PKNP menyampaikan sumbangan zakat PKNP kepada seramai 200 orang anak asnaf di kawasan Dun Jengka.

MAJLIS PENYERAHAN MASJID KAMPUNG LIPAT KAJANG, TEMERLOH – 18 MEI 2024

Projek Masjid Kampung Lipat Kajang yang berjumlah RM 1.87 juta ini diharapkan dapat diimarahkan dari semasa ke semasa oleh penduduk setempat.





SUMBANGAN ZAKAT KEPADA MURID-MURID ASNAF SEKOLAH BERASRAMA PENUH INTEGRASI KUANTAN – 20 MEI 2024

Sesi penyerahan sumbangan zakat PKNP ini melibatkan seramai 100 orang murid asnaf di sekolah tersebut bagi menampung keperluan pembelajaran dan pendidikan mereka.





SUMBANGAN ZAKAT KEPADA MURID-MURID ASNAF SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TELUK CEMPEDAK, KUANTAN – 15 JULAI 2024

Sesi penyerahan sumbangan zakat PKNP ini melibatkan seramai 100 orang murid asnaf di sekolah tersebut bagi menampung keperluan pembelajaran dan pendidikan mereka.



MAJLIS PENYERAHAN MASJID KAMPUNG LIPAT KAJANG, TEMERLOH – 18 MEI 2024

Projek Masjid Kampung Lipat Kajang yang berjumlah RM 1.87 juta ini diharapkan dapat diimarahkan dari semasa ke semasa oleh penduduk setempat.





SUMBANGAN ZAKAT KEPADA MURID-MURID ASNAF SEKOLAH BERASRAMA PENUH INTEGRASI KUANTAN – 20 MEI 2024

Sesi penyerahan sumbangan zakat PKNP ini melibatkan seramai 100 orang murid asnaf di sekolah tersebut bagi menampung keperluan pembelajaran dan pendidikan mereka.





SUMBANGAN ZAKAT KEPADA MURID-MURID ASNAF SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TELUK CEMPEDAK, KUANTAN – 15 JULAI 2024

Sesi penyerahan sumbangan zakat PKNP ini melibatkan seramai 100 orang murid asnaf di sekolah tersebut bagi menampung keperluan pembelajaran dan pendidikan mereka.



SUMBANGAN KEPADA SEKOLAH NENASI, PEKAN – 9 OKTOBER 2024

PKNP telah menyerahkan sumbangan kepada pihak SK Nenasi sebagai tanda sokongan penganjuran program-program yang bermanfaat di sekolah tersebut.





PROGRAM FUN WALK DI TAMAN SERI MAHKOTA AMAN, KUANTAN – 17 NOVEMBER 2024

Aktiviti yang dianjurkan sempena Program Teras GLC Pahang 2024 ini bukan sahaja bertujuan untuk mempromosi budaya gaya hidup sihat di kalangan masyarakat, malahan aktiviti seumpama ini dapat mengeratkan hubungan silaturahim sesama penduduk setempat serta pihak-pihak yang terlibat.



YB. Dato' Indera Mohd Shahar dan YH. Dato' Mohd Faizal turut mengadakan ziarah kasih yang mana melibatkan empat (4) buah rumah asnaf untuk memberi sokongan moral dan menyampaikan sumbangan bagi meringankan beban mereka.



KARNIVAL KOMUNITI PAYA BESAR @ GUGUSAN BUKIT SAGU – 1 DISEMBER 2024

Seramai 50 orang pelajar SMK Bukit Sagu menerima sumbangan berupa wang tunai dan menyelaraskan Jamuan Rakyat yang bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturrahim di antara warga kerja PKNP dan penduduk di Gugusan Bukit Sagu, Kuantan.





KARNIVAL KERJAYA WANITA PAHANG 2024 – 12 DISEMBER 2024

Program anjuran Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) dengan kerjasama Dasar dan Pelan Tindakan Wanita Pahang serta PERKESO yang julung kali diadakan menjadi platform berimpak tinggi dalam memperkasakan wanita dalam dunia pekerjaan dan keusahawanan dan telah merekodkan seramai 500 calon dari daerah-daerah di negeri Pahang telah menghadiri sesi temuduga yang dijalankan sepanjang karnival tersebut berlangsung.





PRESTASI KEWANGAN

LAPORAN BERAUDIT PKNP



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN AUDIT NEGARA

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG
BAGI TAHUN BERAKHIR
31 DISEMBER 2024

KETUA AUDIT NEGARA MALAYSIA

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2024 Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang dan Kumpulan dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet dan Prestasi Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 3 hingga 69.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang dan Kumpulan pada 31 Disember 2024 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Enakmen Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang 1965.

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Ahli Perbadanan, Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Ahli Perbadanan Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Perbadanan bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Enakmen Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang 1965. Ahli Perbadanan juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang dan Kumpulan, Ahli Perbadanan bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;

b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang dan Kumpulan;

c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Perbadanan;

d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Perbadanan dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang atau Kumpulan tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan;

e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang dan Kumpulan, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama; dan

f. mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Ahli Perbadanan telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Enakmen Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang 1965, saya juga melaporkan syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya, telah dinyatakan di Nota 13 dalam penyata kewangan.

Hal-hal Lain

Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang hendaklah mengiktiraf urus niaga apabila ia berlaku dan bukannya apabila wang tunai diterima. Bagaimanapun, pendapatan usahasama tahun 2023 berjumlah RM1.23 juta diiktiraf sebagai hasil apabila bayaran diterima pada tahun 2024. Manakala pendapatan usahasama tahun 2024 berjumlah RM1.10 juta pula tidak diiktiraf sebagai hasil walaupun urus niaga telah berlaku pada tahun semasa. Amalan ini tidak bertepatan dengan peruntukan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) 1 dan MPSAS 9.

Sijil ini dibuat untuk Ahli Perbadanan, Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang berdasarkan keperluan Enakmen Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang 1965 dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.





(DATO' SERI WAN SURAYA WAN MOHD RADZI)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
29 NOVEMBER 2025

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG
(Diperbadankan di Pahang Darul Makmur)

PENYATA AHLI PERBADANAN

Kami, Dato' Sri Diraja Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail dan Dato' Mohd Faizal bin Jaafar, dua daripada Ahli Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang menyatakan bahawa, pada pendapat Ahli Perbadanan, penyata kewangan yang dibentangkan di muka surat 3 hingga 69 telah disediakan untuk memberi gambaran yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Kumpulan dan Perbadanan pada 31 Disember 2024 dan prestasi kewangan Kumpulan dan Perbadanan bagi tahun berakhir 31 Disember 2024 selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia.

Ditandatangani bagi pihak Ahli Perbadanan menurut resolusi Ahli Perbadanan

DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL
PENGERUSI

DATO' MOHD FAIZAL BIN JAAFAR
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

KUANTAN

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG
(Diperbadankan di Pahang Darul Makmur)

AKUAN BERKANUN

Saya, Dato' Mohd Faizal bin Jaafar, Ahli Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang terutamanya bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang, dengan sesungguh dan ikhlasnya mengaku bahawa penyata kewangan yang dibentangkan di muka surat 3 hingga 69, pada pengetahuan dan kepercayaan terbaik saya, adalah betul dan saya membuat pengakuan ini dengan kepercayaan bahawa ianya adalah benar dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

DATO' MOHD FAIZAL BIN JAAFAR

Ditandatangani dan diikrarkan oleh penama di atas Dato' Mohd Faizal bin Jaafar

Di : Kuantan

Pada : 23 MEI 2025

Di hadapan saya :

PESURUHJAYA SUMPAH

PESURUHJAYA SUMPAH
No: C134
ABDULLAH BIN ABDUL WAHAB
1 JAN 2024 - 31 DIS 2026
MALAYSIA

ABDULLAH BIN ABDUL WAHAB (C134)
PESURUHJAYA SUMPAH
No. 2-11, Tingkat 2,
Bangunan UTC Pahang,
Jalan Stadium, 25000 Kuantan,
Pahang Darul Makmur.

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG
(Diperbadankan di Pahang Darul Makmur)

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2024

	Nota	Kumpulan 2024 RM	Kumpulan 2023 RM (Dinyatakan semula)	Perbadanan 2024 RM	Perbadanan 2023 RM (Dinyatakan semula)
ASET					
ASET SEMASA					
Simpanan tetap, tunai dan baki di bank	5	75,858,128	86,845,205	55,378,029	55,971,019
Inventori	6	187,104,866	201,669,080	159,479,826	160,583,298
Urus niaga pertukaran belum terima	7	62,268,726	46,361,726	83,776,556	70,314,790
Penghutang pelbagai dan perbelanjaan terdahulu	8	17,711,952	29,535,839	5,163,313	19,303,856
Kos pembangunan hartanah	10	198,849,984	201,903,685	185,870,229	185,984,603
Cukai semasa		11,338,012	950,794	10,685,104	-
Jumlah aset semasa		553,131,668	567,266,329	500,353,057	492,157,566
ASET BUKAN SEMASA					
Aset cukai tertunda	11	32,084,008	8,166,983	-	-
Pelaburan lain	9	13,912,119	14,900,265	13,809,479	14,791,045
Kos pembangunan hartanah	10	23,628,078	32,340,078	-	-
Tanah untuk pembangunan	12	33,642,842	25,995,761	33,642,842	25,995,761
Subsidiari	13	-	-	126,994,625	119,782,686
Syarikat bersekutu	14	98,265,614	98,138,352	39,463,048	40,644,372
Hartanah, loji dan peralatan	15	275,255,227	277,658,839	3,595,893	3,548,177
Aset tak ketara	16	211,943	-	211,943	-
Aset biologi	17	1,802,467	430,024	-	-
Hartanah pelaburan	18	122,716,812	125,167,835	118,453,589	120,841,406
Jumlah aset bukan semasa		601,519,110	582,798,137	336,171,419	325,603,447
JUMLAH ASET		1,154,650,778	1,150,064,466	836,524,476	817,761,013
TOLAK: LIABILITI					
LIABILITI SEMASA					
Liabiliti cukai semasa		69,783	459,231	-	403,643
Urus niaga pertukaran belum dibayar	19	28,738,094	18,024,272	8,084,772	4,776,189
Pemiutang pelbagai dan akruan	20	136,703,482	138,757,898	93,689,774	105,213,817
Pinjaman berjangka	21	26,501,585	28,283,262	-	-
Pinjaman kerajaan	22	7,615,823	7,615,823	7,615,823	7,615,823
Manfaat pekerja	23	1,227,381	956,552	1,227,381	956,552
Jumlah liabiliti semasa		200,856,148	194,097,038	110,617,750	118,966,024

Nota-nota yang disediakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG
(Diperbadankan di Pahang Darul Makmur)

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2024 (SAMBUNGAN)

	Nota	Kumpulan		Perbadanan	
		2024 RM	2023 RM (Dinyatakan semula)	2024 RM	2023 RM (Dinyatakan semula)
LIABILITI BUKAN SEMASA					
Pinjaman berjangka	21	29,640,337	33,882,356	-	-
Pinjaman kerajaan	22	124,917,088	131,528,952	124,917,088	131,528,952
Akaun amanah	24	3,300,891	3,138,654	3,300,891	3,138,654
Pendapatan tertunda	25	204,174,280	180,910,782	204,174,280	180,910,782
Liabiliti cukai tertunda	11	6,030,781	3,211,488	108,893	55,739
Manfaat pekerja	23	1,124,861	1,143,805	1,124,861	1,143,805
Jumlah liabiliti bukan semasa		369,188,238	353,816,036	333,626,013	316,777,932
JUMLAH LIABILITI		570,044,386	547,913,074	444,243,763	435,743,956
ASET BERSIH		584,606,392	602,151,392	392,280,713	382,017,057
EKUITI					
MODAL DAN RIZAB					
Pemberian kerajaan		2,500,000	2,500,000	2,500,000	2,500,000
Simpanan modal	26	1,969,101	1,969,101	1,969,101	1,969,101
Keuntungan terkumpul		475,844,371	479,398,874	387,811,612	377,547,956
Lain-lain rizab		230,631	214,701	-	-
		480,544,103	484,082,676	392,280,713	382,017,057
Kepentingan bukan kawalan		104,062,289	118,068,716	-	-
JUMLAH EKUITI		584,606,392	602,151,392	392,280,713	382,017,057

Nota-nota yang disediakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG

(Diperbadankan di Pahang Darul Makmur)

PENYATA PRESTASI KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

	Nota	Kumpulan		Perbadanan	
		2024	2023	2024	2023
		RM	RM (Dinyatakan semula)	RM	RM (Dinyatakan semula)
HASIL:					
Hasil daripada urus niaga pertukaran	27	262,211,205	152,937,426	42,435,023	117,706,536
Hasil daripada urus niaga bukan pertukaran	27	17,765,659	22,948,735	24,977,598	22,982,155
Kos jualan		(249,735,410)	(118,691,007)	(2,781,392)	(88,798,551)
Keuntungan kasar		30,241,454	57,195,154	64,631,229	51,890,140
Pendapatan lain	28	1,114,283	1,240,369	-	-
Lebihan nilai saksama atas penyelesaian instrument boleh letak		-	63,964,998	-	63,964,998
Perubahan nilai saksama ke atas aset biologi		1,372,443	430,024	-	-
Laba daripada belian murah		-	18,688,950	-	-
Perbelanjaan pentadbiran dan operasi		(27,670,520)	(23,901,472)	(19,994,729)	(17,531,108)
Perbelanjaan lain		(35,745,220)	(28,017,971)	(28,327,187)	(38,257,472)
(Kerugian)/Keuntungan daripada operasi	29	(30,687,560)	89,600,052	16,309,313	60,066,558
Kos kewangan	31	(7,976,370)	(19,081,706)	(4,130,777)	(18,289,071)
Perkongsian keuntungan syarikat bersekutu		2,356,612	2,550,087	-	-
(Kerugian)/Keuntungan sebelum cukai dan zakat		(36,307,318)	73,068,433	12,178,536	41,777,487
Cukai	32	18,746,388	(18,964,804)	(1,914,880)	(18,019,903)
Zakat		-	(1,900,000)	-	(1,900,000)
(Kerugian)/Keuntungan bersih tahun semasa		(17,560,930)	52,203,629	10,263,656	21,857,584
(Kerugian)/Keuntungan bersih diakui kepada:					
Perbadanan		(3,554,503)	52,203,629	10,263,656	21,857,584
Kepentingan bukan kawalan		(14,006,427)	-	-	-
		(17,560,930)	52,203,629	10,263,656	21,857,584

Nota-nota yang disediakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG
(Diperbadankan di Pahang Darul Makmur)

PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH/EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

	Pemberian Kerajaan RM	Simpanan modal (Nota 26) RM	Keuntungan terkumpul RM	Lain-lain rizab RM	Jumlah RM	Kepentingan bukan kawalan RM	Jumlah ekuiti RM
Kumpulan							
Pada 1 Januari 2023	2,500,000	1,969,101	427,195,245	-	431,664,346	-	431,664,346
Keuntungan bersih tahun semasa							
Seperti dinyatakan dahulu	-	-	66,175,136	-	66,175,136	-	66,175,136
Pelarasan tahun lepas	-	-	(13,971,507)	-	(13,971,507)	-	(13,971,507)
Seperti dinyatakan semula	-	-	52,203,629	-	52,203,629	-	52,203,629
Perkongsian keuntungan komprehensif lain syarikat bersekutu	-	-	-	214,701	214,701	-	214,701
Pengambilalihan subsidiari							
Seperti dinyatakan dahulu	-	-	-	-	-	92,967,939	92,967,939
Pelarasan tahun lepas	-	-	-	-	-	25,100,777	25,100,777
Seperti dinyatakan semula	-	-	-	-	-	118,068,716	118,068,716
Pada 31 Disember 2023	2,500,000	1,969,101	479,398,874	214,701	484,082,676	118,068,716	602,151,392

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG
(Diperbadankan di Pahang Darul Makmur)

PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH/EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

	Pemberian Kerajaan RM	Simpanan modal (Nota 26) RM	Keuntungan terkumpul RM	Lain-lain rizab RM	Jumlah RM	Kepentingan bukan kawalan RM	Jumlah ekuiti RM
Kumpulan							
Pada 1 Januari 2024							
Seperti yang dinyatakan dahulu	2,500,000	1,969,101	493,370,381	214,701	498,054,183	92,967,939	591,022,122
Pelarasan tahun lepas	-	-	(13,971,507)	-	(13,971,507)	25,100,777	11,129,270
Seperti dinyatakan semula	2,500,000	1,969,101	479,398,874	214,701	484,082,676	118,068,716	602,151,392
Keuntungan bersih bagi tahun semasa	-	-	(3,554,503)	-	(3,554,503)	(14,006,427)	(17,560,930)
Perkongsian keuntungan komprehensif lain syarikat bersekutu	-	-	-	15,930	15,930	-	15,930
Pada 31 Disember 2024	2,500,000	1,969,101	475,844,371	230,631	480,544,103	104,062,289	584,606,392

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG
(Diperbadankan di Pahang Darul Makmur)

PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH/EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024 (SAMBUNGAN)

	Pemberian Kerajaan RM	Simpanan modal (Nota 26) RM	Keuntungan terkumpul RM	Jumlah RM
Perbadanan				
Pada 1 Januari 2023	2,500,000	1,969,101	355,690,372	360,159,473
Keuntungan bersih tahun semasa				
Seperti dinyatakan dahulu	-	-	54,518,041	54,518,041
Pelarasan tahun lepas	-	-	(32,660,457)	(32,660,457)
Seperti dinyatakan semula	-	-	21,857,584	21,857,584
Pada 31 Disember 2023	2,500,000	1,969,101	377,547,956	382,017,057
Pada 1 Januari 2024				
Seperti yang dinyatakan sebelumnya	2,500,000	1,969,101	410,208,413	414,677,514
Pelarasan tahun terdahulu	-	-	(32,660,457)	(32,660,457)
Seperti dinyatakan semula	2,500,000	1,969,101	377,547,956	382,017,057
Keuntungan bersih tahun semasa	-	-	10,263,656	10,263,656
Pada 31 Disember 2024	2,500,000	1,969,101	387,811,612	392,280,713

Nota-nota yang disediakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG
(Diperbadankan di Pahang Darul Makmur)

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

	Nota	Kumpulan		Perbadanan	
		2024	2023	2024	2023
		RM	RM (Dinyatakan semula)	RM	RM (Dinyatakan semula)
AKTIVITI OPERASI					
(Kerugian)/Keuntungan sebelum cukai		(36,307,318)	73,068,433	12,178,536	41,777,488
Pelarasan item tidak berkaitan dengan pergerakan aliran tunai:					
Hartanah, loji dan peralatan					
- susutnilai		12,035,428	2,992,476	482,719	607,865
- keuntungan atas pelupusan		(28,153)	(17,716)	(1)	(17,258)
- hapuskira aset		-	141	-	-
- pelarasan		124,371	57,223	124,363	24,826
Hartanah pelaburan					
- susutnilai		2,834,300	2,810,553	2,771,094	2,747,347
Aset tak ketara					
- susutnilai		57,403	-	57,403	-
Hapuskira inventori		1,332	105	-	-
Perbelanjaan kerugian pelaburan lain		(1)	11	-	11
Kerugian atas perubahan nilai saksama pelaburan		6,580	8,460	-	-
Peruntukan hutang ragu		3,130,776	3,276,855	3,265,400	3,269,090
Hutang ragu pulih semula		(1,722,112)	(6,427,152)	(1,760,854)	(6,660,027)
Hutang lapuk		-	199,625	-	-
Hutang lapuk pulih semula		-	(13,760)	-	-
Rosot nilai pelaburan					
- subsidiari		-	-	-	7,031,848
- syarikat bersekutu		4,043,035	4,468,617	4,043,035	4,468,617
- pelaburan lain		1,150,611	1,689,047	1,150,611	1,689,047
Rosot nilai pelaburan pulih semula					
- subsidiari		-	-	(7,211,939)	(353,759)
- syarikat bersekutu		(2,861,711)	(5,900,053)	(2,861,711)	(5,900,053)
- pelaburan lain		(169,045)	(205,801)	(169,045)	(205,801)
Pendapatan dividen		(27,376)	(112,132)	(1,139,403)	(387,132)
Pendapatan faedah		(3,967,828)	(3,918,095)	(4,151,550)	(3,588,356)
Manfaat pekerja		1,362,786	1,017,164	1,362,786	1,017,164
Perbelanjaan faedah		6,481,970	17,975,805	3,563,767	17,372,205
Pelunasan geran kerajaan		(8,799,620)	(7,066,160)	(8,799,620)	(7,066,160)
Perkongsian keuntungan syarikat bersekutu		(2,356,612)	(2,550,087)	-	-
Lebihan nilai saksama atas penyelesaian instrumen boleh letak		-	(63,964,998)	-	(63,964,998)
Laba dari belian murah		-	(18,688,950)	-	-
(Kerugian)/Keuntungan operasi sebelum perubahan modal kerja (baki dibawa ke hadapan)		(25,011,184)	(1,300,389)	2,905,591	(8,138,036)

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024 (SAMBUNGAN)

	Nota	Kumpulan		Perbadanan	
		2024	2023	2024	2023
		RM	RM (Dinyatakan semula)	RM	RM (Dinyatakan semula)
AKTIVITI OPERASI (SAMBUNGAN)					
Baki dihantar ke hadapan		(25,011,184)	(1,300,389)	2,905,591	(8,138,036)
Perubahan modal kerja:					
Tanah untuk pembangunan		(7,647,081)	(134,265)	(7,647,081)	(134,265)
Kos pembangunan hartanah		14,692,361	4,927,524	3,158,991	4,315,659
Aset biologi		(1,372,443)	(430,024)	-	-
Inventori		14,562,882	(12,629,550)	1,103,472	(13,570,897)
Urusniaga pertukaran belum diterima		(17,315,662)	79,727,132	(14,836,713)	82,234,479
Penghutang pelbagai dan perbelanjaan terdahulu		11,823,887	(16,637,666)	22,343,063	(16,981,398)
Urusniaga pertukaran belum dibayar		10,713,822	5,119,071	3,357,644	3,207,966
Pemiutang pelbagai dan akruan		(2,182,771)	7,541,407	(11,524,043)	7,904,906
Pendapatan tertunda		29,136,457	17,673,333	20,508,966	17,673,333
Tunai daripada operasi		27,400,268	83,856,573	19,369,890	76,511,747
Cukai dibayar		(13,128,009)	(16,387,152)	(12,950,473)	(15,764,334)
Cukai dikembalikan		-	226,661	-	-
Zakat dibayar		-	(1,900,000)	-	(1,900,000)
Manfaat pekerja dibayar					
- Gantian cuti rehat		(109,146)	(160,172)	(109,146)	(160,172)
- Lain-lain manfaat		(1,001,755)	(772,466)	(1,001,755)	(772,466)
Aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi		13,161,358	64,863,444	5,308,516	57,914,775

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024 (SAMBUNGAN)

	Nota	Kumpulan 2024 RM	Kumpulan 2023 RM (Dinyatakan semula)	Perbadanan 2024 RM	Perbadanan 2023 RM (Dinyatakan semula)
AKTIVITI PELABURAN					
Pembelian hartanah, loji dan peralatan		(9,843,138)	(4,618,439)	(731,761)	(404,784)
Pembelian hartanah pelaburan		(672,426)	-	(672,426)	-
Pembelian aset tak ketara		(192,383)	-	(192,383)	-
Pembelian aset bernilai rendah		128,355	-	128,355	-
Perolehan daripada pelupusan hartanah, loji dan peralatan		38,141	22,743	1	17,258
Perolehan daripada pelupusan hartanah pelaburan		289,149	-	289,149	-
Perolehan dari jualan pelaburan lain		-	296,872	-	-
Pindahan hartanah pelaburan		-	(1,162,854)		(1,162,854)
Tambahan pelaburan dalam subsidiari	A	-	2,252,440	-	(10,000,045)
Pergerakan penjejasan akaun amanah		162,237	129,278	162,237	129,278
Dividen diterima		1,091,332	112,132	1,139,403	387,132
Faedah diterima		1,408,020	1,358,287	1,591,742	1,028,548
Aliran tunai bersih (digunakan dalam) / daripada aktiviti pelaburan		(7,590,713)	(1,609,541)	1,714,317	(10,005,467)

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024 (SAMBUNGAN)

	Nota	Kumpulan		Perbadanan	
		2024 RM	2023 RM (Dinyatakan semula)	2024 RM	2023 RM (Dinyatakan semula)
AKTIVITI PEMBIAYAAN					
Pembayaran liabiliti sewa beli		(258,507)	(112,577)	-	-
Perolehan liabiliti sewa beli		315,800	276,200	-	-
Faedah dibayar		(2,999,316)	(1,126,725)	-	(813,863)
Penerimaan pinjaman berjangka		5,000,000	20,000,000	-	20,000,000
Penerimaan jurubank		(3,016,970)	-	-	-
Pembayaran pinjaman berjangka		(9,405,275)	(33,816,190)	-	(30,000,000)
Pembayaran pinjaman kerajaan		(7,615,823)	(8,865,931)	(7,615,823)	(8,865,932)
Aliran tunai bersih digunakan dalam aktiviti pembiayaan		(17,980,091)	(23,645,223)	(7,615,823)	(19,679,795)
Penambahan /(Pengurangan) bersih dalam tunai dan bersamaan tunai		(12,409,446)	39,608,680	(592,990)	28,229,513
BAKI TUNAI DAN BERSAMAAN TUNAI					
- pada awal tahun		83,786,516	44,177,836	55,971,019	27,741,506
- pada akhir tahun	5	71,377,070	83,786,516	55,378,029	55,971,019

Nota A – Transaksi bukan tunai
Penyesuaian aliran tunai daripada tambahan pelaburan dalam subsidiari pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023:

	2023 RM
Harga keseluruhan pembelian semula syer dalam subsidiary	74,499,300
Transaksi bukan tunai	
Bayaran dalam bentuk pindahmilik tanah	(64,499,255)
Bayaran dalam bentuk tunai dalam penyata aliran tunai PKNP	(10,000,045)
(+) Wang tunai dan baki di bank subsidiari yang diambilalih	12,252,485
Aliran tunai bersih dalam penyata aliran tunai Kumpulan	2,252,440

Nota-nota yang disediakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG
(Diperbadankan di Pahang Darul Makmur)

PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN PRESTASI SEBENAR BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

	Prestasi sebenar RM	Bajet RM	Perbezaan RM
Hasil	53,489,514	158,752,852	(105,263,338)
Kos jualan	(2,508,506)	(28,886,959)	26,378,452
Keuntungan kasar	50,981,008	129,865,893	(78,884,886)
Pendapatan lain	13,928,108	491,956	13,431,152
Perbelanjaan pentadbiran dan operasi	(20,288,403)	(19,659,906)	(628,497)
Perbelanjaan lain	(28,872,813)	(24,196,491)	(4,676,322)
Keuntungan daripada operasi	15,742,900	86,501,452	(70,758,553)
Kos kewangan	(3,564,363)	(160,000)	(3,404,362)
Keuntungan sebelum cukai	12,178,537	86,341,452	(74,162,915)
Cukai	(1,914,880)	(21,582,000)	19,667,120
Zakat	-	(2,307,016)	2,307,016
Keuntungan selepas cukai	10,263,657	62,452,436	(52,188,779)

Nota kepada Penyata Perbandingan Bajet dan Prestasi Sebenar

1. Jumlah dalam penyata kewangan ini telah disusun semula dari asas akruan kepada asas tunai diubahsuai dan diklasifikasi berdasarkan asas yang sama seperti bajet yang diluluskan.

2. Bajet Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang bagi tahun 2024 telah diluluskan oleh Ahli Perbadanan pada 16 Disember 2023 melalui Mesyuarat Ahli Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang Bil. 4/2023 sepertimana yang diperlukan di bawah Enakmen Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang Bil. 12/1965 Para 17A (2).

3. Kurangan pendapatan sebenar sebanyak RM105,263,338 adalah disebabkan jualan bagi Tanah Perindustrian yang tidak berjaya mencapai sasaran sepertimana dibajetkan bagi tahun 2024 terutama Kawasan Perindustrian Gebeng 2, Gebeng 3B dan Bentong 2A.

4. Lebihan belanja secara keseluruhan sebanyak RM8,540,136 adalah daripada perbelanjaan rosotnilai pelaburan serta hutang ragu yang tidak dibajetkan.

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG
(Diperbadankan di Pahang Darul Makmur)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

1. MAKLUMAT AM

(a) Perbadanan

Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (Perbadanan atau PKNP) adalah sebuah badan berkanun yang diperbadankan di Negeri Pahang Darul Makmur di bawah Enakmen Lembaga Kemajuan Negeri Pahang, 1965.

(b) Kegiatan utama

Kegiatan utama Kumpulan ialah memaju, mendorong, memberi kemudahan, mengambil bahagian dalam perkembangan ekonomi dan sosial di dalam Negeri Pahang Darul Makmur, memberi khidmat pengurusan, pemegang pelaburan, menyewa, menjual dan mengurus hartanah, perkhidmatan bot dan feri, penjualan pasir, perniagaan hotel, pengendalian projek-projek pembinaan, penjualan bahan-bahan binaan serta menjadi kontraktor pembinaan dan pengurusan projek-projek.

Kegiatan utama Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang ialah memaju, mendorong, memberi kemudahan dan mengambil bahagian dalam perkembangan ekonomi dan sosial di dalam Negeri Pahang Darul Makmur selaras dengan Dasar Ekonomi Baru. Kegiatan utama Perbadanan juga termasuk membangunkan tanah-tanah untuk perindustrian, perumahan dan perkedaian, hartanah dan aktiviti pelaburan.

2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

(a) Entiti dan tempoh pelaporan

Tempoh pelaporan untuk penyata kewangan Kumpulan dan Perbadanan adalah dari 1 Januari hingga 31 Disember.

Penyata kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia ("RM"), yang merupakan mata wang fungsian dan pelaporan Kumpulan dan Perbadanan.

(b) Penyata pematuhan

Penyata kewangan disediakan pada Asas Akruan.

Penyata kewangan Kumpulan dan Perbadanan telah disediakan selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia ("MPSAS") yang diterbitkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia ("JANM").

Penyata kewangan Kumpulan dan Perbadanan telah disediakan menurut konvensyen kos sejarah, kecuali yang dinyatakan sebaliknya di dalam ringkasan dasar perakaunan di Nota 3 kepada penyata kewangan.

2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(c) Pertimbangan dan anggaran

Penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan Perbadanan memerlukan pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan dasar dan amaun bagi aset, liabiliti, hasil dan belanja yang dilaporkan.

Anggaran dan andaian yang digunakan akan disemak secara berterusan. Semakan semula kepada anggaran perakaunan akan diiktiraf dalam tempoh anggaran tersebut disemak, jika semakan semula hanya memberi kesan kepada tempoh tersebut, atau dalam tempoh semakan dan tempoh sama hadapan sekiranya semakan semula memberi kesan kepada tempoh semasa dan masa yang akan datang.

Sekiranya pertimbangan ini memberi kesan signifikan kepada amaun yang diiktiraf dalam penyata kewangan, ia akan didedahkan dalam Nota 4 kepada penyata kewangan.

3. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING

Dasar perakaunan berikut telah digunakan secara konsisten dalam perkara-perkara yang dianggap penting bagi penyata kewangan.

(a) Asas penyatuan

Subsidiari-subsidiari adalah entiti-entiti yang dikawal oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang. Kawalan wujud apabila Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang mempunyai kuasa, secara langsung atau tidak langsung untuk mengawal polisi-polisi kewangan dan operasi sesebuah syarikat untuk memperolehi manfaat daripada aktiviti-aktiviti syarikat tersebut. Subsidiari-subsidiari adalah disatukan dengan menggunakan kaedah perakaunan pengambilalihan.

Penyata kewangan disatukan termasuk penyata kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang dan kesemua subsidiarinya yang dinyatakan di Nota 13 kepada penyata kewangan. Syarikat-syarikat yang diambilalih dan dilupuskan sepanjang tahun diambil kira dalam penyata kewangan disatukan dari tarikh pengambilalihan atau tarikh pelupusan. Urus niaga di antara Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang dan subsidiarinya telah dihapuskan semasa penyatuan dan penyata kewangan disatukan hanya mencerminkan urus niaga dengan pihak ketiga sahaja.

Lebihan di antara kos pengambilalihan dan nilai saksama aset bersih subsidiari yang diambilalih pada tarikh pengambilalihan diambil kira dalam penyata kewangan disatukan sebagai muhibah. Jika kos pengambilalihan kurang daripada nilai saksama aset bersih syarikat subsidiari diambilalih, perbezaan tersebut diiktiraf secara langsung dalam penyata prestasi kewangan.

Kepentingan bukan kawalan adalah ekuiti dalam sesebuah syarikat subsidiari yang tidak boleh dikaitkan, secara langsung atau tidak langsung, kepada syarikat induk. Bagi setiap pengambilalihan, Kumpulan mengukur apa-apa kepentingan bukan kawalan dalam syarikat yang diambilalih pada bahagian aset bersih syarikat yang diambilalih yang dimiliki oleh pemegang saham minoriti. Pada akhir tempoh pelaporan, kepentingan bukan kawalan terdiri daripada jumlah yang dikira pada tarikh gabungan dan bahagian bagi perubahan dalam ekuiti syarikat subsidiari sejak tarikh gabungan.

3. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMBUNGAN)

(b) Syarikat-syarikat bersekutu

Kumpulan menganggap syarikat-syarikat bersekutu adalah syarikat-syarikat di mana Kumpulan mempunyai kepentingan ekuiti jangka panjang dan di mana ia mempunyai pengaruh penting melalui perwakilan pengurusan.

Pengkongsian Kumpulan dalam keuntungan selepas pengambilalihan setelah ditolak kerugian syarikat-syarikat bersekutu telah diambilkira dalam penyata pendapatan disatukan dan kepentingan Kumpulan dalam syarikat-syarikat bersekutu dinyatakan pada kos dicampur perkongsian Kumpulan dalam keuntungan terkumpul selepas pengambilalihan dan rizab.

(c) Pelaburan dalam Subsidiari-subsidiari dan Syarikat-syarikat Bersekutu

Pelaburan dalam subsidiari-subsidiari dan syarikat-syarikat bersekutu dalam penyata kewangan PKNP dinyatakan pada kos ditolak kerugian penjejasan. Akaun-akaun Kumpulan mengandungi bahagian Kumpulan dalam hasil kesemua syarikat bersekutu yang ditunjukkan dalam Nota 14 berdasarkan akaun-akaun terbaru yang telah diaudit.

Penjejasan ditentukan berasaskan perbezaan nilai terendah kos dibandingkan dengan nilai pasaran (berdasarkan penentuan nilai oleh Perunding yang telah dilantik).

(d) Hartanah, loji dan peralatan

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos atau penilaian setelah ditolak susutnilai terkumpul.

Kumpulan tidak mempunyai polisi penilaian semula bagi hartanah, loji dan peralatan melainkan polisi penilaian semula yang diamalkan oleh subsidiari-subsidiari tertentu Kumpulan di mana penilaian semula dibuat sekurang-kurangnya satu kali setiap lima tahun berdasarkan penilaian oleh penilai bebas yang berdasarkan nilai pasaran terbuka. Sebarang pertambahan daripada penilaian semula dikreditkan ke ekuiti sebagai lebihan penilaian semula; kecuali setakat pembalikan pengurangan penilaian semula untuk aset yang sama yang telah diiktiraf sebagai perbelanjaan, di mana pertambahan diiktiraf dalam penyata pendapatan setakat pengurangan yang diiktiraf sebelum ini. Pengurangan dalam penilaian semula akan diselaraskan dengan pertambahan daripada penilaian awal bagi aset yang sama dan selebihnya diiktiraf sebagai perbelanjaan. Apabila hartanah, loji dan peralatan yang dinilai semula dilupuskan, lebihan penilaian semula berkenaan yang tinggal dalam rizab penilaian semula dipindahkan ke keuntungan terkumpul.

Susutnilai tidak diperuntukkan ke atas tanah milik bebas, tanah untuk pembangunan dan pembangunan dalam proses. Untuk lain-lain hartanah, loji dan peralatan, susutnilai diperuntukkan mengikut kaedah garis lurus supaya memansuhkan kos atau nilai setiap aset di sepanjang anggaran hayat kegunaannya.

3. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMBUNGAN)

(d) Hartanah, loji dan peralatan (sambungan)

Tumbuhan penghasil adalah tumbuhan hidup yang digunakan dalam pengeluaran atau pembekalan hasil pertanian, dijangka mampu menghasilkan untuk tempoh masa lebih dari satu tempoh dan hanya berkemungkinan kecil sahaja ia akan dijual sebagai hasil pertanian, kecuali untuk penjualan sampingan selepas habis berhasil. Tumbuhan penghasil Kumpulan adalah terdiri daripada ladang kelapa sawit. Tumbuhan penghasil yang masih belum matang dinilai pada kos terkumpul penanaman tumbuhan penghasil, sama seperti olahan perakaunan untuk aset hartanah, loji dan peralatan yang dibina sendiri. Semua kos yang terlibat secara langsung dengan tumbuhan penghasil dipermodalkan sehingga tumbuhan penghasil matang, di mana kos selepas matang dibelanjakan dan susutnilai bermula. Tumbuhan penghasil dikelaskan sebagai tidak matang sehingga pokok tersebut telah berhasil. Tumbuhan penghasil dinilai pada kos yang dilunaskan dan disusut nilai sepanjang hayat bergunanya yang dianggarkan sehingga 22 tahun.

Kadar susutnilai tahunan aset-aset lain adalah seperti berikut:

Tanah pegangan pajak	10 - 99 tahun
Tanah dan bangunan siap	1½%-12%
Infrastruktur	20%
Kenderaan bermotor, loji dan mesin	10% - 25%
Perabot, kelengkapan, peralatan dan ubahsuai pejabat	10% - 33 1/3%
Peralatan penyelenggaraan hotel dan peralatan dapur	10%

Aset bernilai rendah (tidak melebihi RM2,000) tidak diiktiraf sebagai aset dan akan dicaj ke penyata penyata pendapatan.

(e) Aset tak ketara

Aset tak ketara dinyatakan pada kos atau penilaian setelah ditolak susutnilai terkumpul. Susutnilai diperuntukkan mengikut kaedah garis lurus supaya memansuhkan kos atau nilai setiap aset di sepanjang anggaran hayat kegunaannya.

Kadar susutnilai tahunan aset tak ketara adalah seperti berikut:

Komputer perisian	10% - 33 1/3%

3. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMBUNGAN)

(f) Tanah untuk pembangunan

Tanah untuk pembangunan adalah tanah yang tiada aktiviti pembangunan dijalankan ke atasnya atau aktiviti pembangunan yang tidak dapat dijangka tempoh masa untuk disiapkan dalam masa kitaran kendalian biasa. Ianya dikelaskan sebagai Aset Bukan Semasa dan dinyatakan pada harga kos ditolak penjejasan nilai terkumpul.

Tanah untuk pembangunan dikelaskan sebagai Kos Pembangunan sekiranya aktiviti pembangunan mula dijalankan dan apabila tempoh masa bagi aktiviti pembangunan dapat dijangka akan siap dalam masa kitaran kendalian biasa.

(g) Aset biologi

Aset biologi terdiri daripada buah tandan segar dari tumbuhan penghasil. Aset biologi dinilai pada nilai saksama ditolak kos pelupusan. Sebarang keuntungan atau kerugian dari perubahan dalam nilai saksama tolak kos pelupusan bersih pemindahan untuk menghasilkan stok diiktiraf bersih di dalam penyata prestasi kewangan. Nilai saksama dianggarkan dengan menggunakan jangkaan kaedah pengeluaran dan anggaran pasaran aset biologi.

Aset biologi dikelaskan sebagai aset semasa bagi hasil dari tumbuhan penghasil yang akan dituai pada tarikh tidak melebihi 12 bulan selepas tarikh pelaporan, dan selebihnya dikelaskan sebagai aset bukan semasa.

(h) Hartanah pelaburan

Hartanah pelaburan adalah hartanah yang dimiliki untuk mendapatkan pendapatan sewa atau untuk menambah nilai modal buat kedua-duanya. Hartanah pelaburan dinyatakan mengikut model kos dengan mengukur nilai semua hartanah pelaburannya, iaitu pada kos ditolak dengan susutnilai terkumpul dan kerugian penjejasan terkumpul. Hartanah pelaburan bagi bangunan disusutnilaikan pada kadar 2% - 4% mengikut kaedah garis lurus.

Pelaburan hartanah tidak diiktiraf apabila sama ada ia telah dilupuskan atau apabila harta pelaburan ditarik balik secara kekal dari penggunaan dan tiada faedah ekonomi masa depan dijangka daripada pelupusannya. Sebarang keuntungan atau kerugian atas persaraan atau pelupusan pelaburan hartanah diiktiraf dalam keuntungan dan kerugian dalam tahun persaraan atau pelupusan.

Pindahan dilakukan kepada atau daripada pelaburan hartanah hanya apabila terdapat perubahan penggunaan.

3. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMBUNGAN)

(i) Penjejasan aset bukan kewangan

Jumlah nilai dibawa aset, selain daripada pelaburan hartanah, aset kontrak pembinaan, kos pembangunan hartanah dan inventori dikaji semula pada setiap tarikh pelaporan untuk menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk yang aset telah mengalami penjejasan. Jika sebarang petunjuk wujud, jumlah yang boleh diperoleh daripada aset dianggarkan berdasarkan jumlah kerugian penjejasan.

Bagi muhibah, nilai yang boleh diperoleh dianggar pada setiap tarikh pelaporan atau lebih kerap sekiranya peristiwa atau perubahan dalam keadaan yang menunjukkan nilai dibawa mungkin mengalami kerugian penjejasan.

Bagi tujuan menguji penjejasan aset, nilai boleh diperoleh adalah berdasarkan asas aset individu melainkan aset tidak menjana aliran tunai yang bergantung sepenuhnya kepada aset-aset lain. Dalam kes ini, nilai boleh diperoleh adalah berdasarkan unit penjana tunai (Cash Generating Unit ('CGU')) kepada aset dipunyai tersebut. Muhibah diperoleh dalam kombinasi perniagaan dari tarikh pengambilalihan diagihkan kepada setiap kumpulan CGU atau kumpulan-kumpulan CGU yang dijangka dimanfaat dari kombinasi sinergi, walaupun aset-aset atau liabiliti-liabiliti lain kumpulan diberikan kepada unit-unit tersebut atau kumpulan-kumpulan unit.

Nilai boleh diperoleh aset adalah yang mana lebih tinggi dari aset atau nilai saksama CGU ditolak kos untuk menjual dengan nilai boleh diguna. Dalam mentaksir nilai boleh diguna, anggaran aliran tunai masa hadapan didiskaunkan kepada nilai kini menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menunjukkan nilai masa tunai dalam pasaran semasa dan risiko tertentu kepada aset. Di mana nilai dibawa aset melebihi nilai boleh diperoleh, aset dikatakan telah merosotnilai dan dikurang nilai kepada nilai boleh diperoleh. Kerugian penjejasan diiktiraf bagi CGU atau kumpulan CGU diagihkan terdahulu bagi mengurangkan nilai dibawa muhibah kepada unit-unit atau kumpulan-kumpulan unit, dan kemudiannya dikurangkan secara pro-rata kepada nilai dibawa aset-aset lain.

Penjejasan diiktiraf dalam untung atau rugi bagi tempoh di mana ianya berlaku melainkan aset dibawa pada amaun dinilai semula yang mana penjejasan diakaunkan sebagai kurangan penilaian semula setakat mana penjejasan tersebut tidak melebihi amaun aset yang sama di dalam rizab penilaian semula.

Penjejasan muhibah tidak dibalikkan semula dalam tempoh berikutnya. Penjejasan selain daripada muhibah dibalikkan semula sekiranya ada perubahan anggaran digunakan bagi menentukan nilai boleh diperoleh dari penjejasan diiktiraf terdahulu. Nilai dibawa bagi aset selain daripada muhibah akan ditambah kepada nilai boleh diperoleh yang dipinda, sekiranya amaun ini tidak melebihi nilai dibawa (bersih setelah susutnilai atau pelunasan) yang ditentukan sekiranya tiada penjejasan diiktiraf bagi aset dalam tahun-tahun terdahulu. Pembalikan penjejasan bagi aset selain muhibah diiktiraf dalam untung atau rugi, melainkan aset dibawa pada amaun nilaian semula yang mana dalam kes tersebut pembalikan ditunjukkan sebagai tambahan dalam penilaian semula.

3. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMBUNGAN)

(j) Perbelanjaan pembangunan hartanah

Perbelanjaan tanah dan pembangunan di mana kerja pembangunan penting telah dilaksanakan dan dijangka akan siap dalam masa kitaran kendalian biasa dikelaskan sebagai pembangunan hartanah. Pembangunan hartanah dinyatakan pada kos dicampur keuntungan, ditolak kerugian dan bil-bil. Kos termasuk kos tanah, semua kos bangunan langsung dan perbelanjaan pembangunan berkenaan yang lain.

(k) Inventori

Inventori dinyatakan pada harga terendah di antara kos dan nilai boleh realisasi bersih. Inventori terdiri daripada projek-projek siap perumahan, perkedaian, bengkel dan barang siap.

Inventori ditentukan pada asas masuk dahulu, keluar dahulu. Kos bahan mentah terdiri daripada kos pembelian. Kos barang siap dan kerja dalam perlaksanaan terdiri daripada kos bahan mentah, kos pekerja, kos langsung dan pembahagian overhead pengeluaran. Kos hartanah belum jual termasuk kos berkaitan dengan pembelian tanah, kos langsung dan pembahagian kos umum yang sewajarnya.

Nilai boleh realisasi bersih merupakan harga jualan anggaran di dalam urusniaga biasa perniagaan ditolak semua kos anggaran yang perlu ditanggung untuk melakukan jualan.

Penjejasan ditentukan berasaskan perbezaan nilai terendah kos dibandingkan dengan nilai pasaran (berdasarkan penentuan nilai oleh Perunding yang telah dilantik).

3. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMBUNGAN)

(l) Penghutang perniagaan

Hutang yang diketahui lapuk dihapuskirakan dan peruntukan tertentu disediakan untuk semua hutang yang diragukan kutipannya.

Asas Perbadanan kepada peruntukan hutang ragu seperti berikut:

Jenis Penghutang	Asas penyediaan peruntukan
Jualan Rumah Kedai, Lot Tanah, Jualsewa	Peruntukan = Baki hutang melebihi 12 bulan
Jualan Tanah Industri	Peruntukan = Baki hutang melebihi 24 bulan
Sewa Rumah Kedai, Sewajual, Penswastaan, Sewa Tanah Industri, Sewa Bengkel	Peruntukan =Tunggakan melebihi 6 bulan / tidak aktif
Sewa Beli	Peruntukan = Tunggakan melebihi 12 bulan / tidak aktif
Penghutang lain	Peruntukan = Tunggakan melebihi 12 bulan / tidak aktif

Namun begitu, pengecualian peruntukan hutang ragu diberikan bagi penghutang yang belum memenuhi syarat-syarat tertentu sesuatu transaksi dan bagi pembayaran secara berperingkat.

(m) Tunai dan bersamaan tunai

Tunai dan bersamaan tunai terdiri daripada tunai di tangan, simpanan di bank dan pelaburan jangka pendek dengan kecairan tinggi yang boleh diubah kepada jumlah tunai dengan mudah dan tertakluk kepada risiko rendah dalam perubahan nilai. Bagi tujuan penyata aliran tunai, tunai dan bersamaan tunai termasuk tunai di tangan dan di bank, deposit tetap dan deposit dipanggil, ditolak baki overdraf bank.

(n) Instrumen kewangan

(i) Aset kewangan

Aset Kewangan dikategorikan seperti berikut:

- Pinjaman dan Penghutang;
- Sedia Untuk Dijual;
- Dipegang Hingga Matang; dan
- Nilai Saksama Melalui Untung atau Rugi.

3. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMBUNGAN)

(n) Instrumen kewangan (sambungan)

(i) Aset kewangan (sambungan)

Kategori ini adalah merujuk kepada tujuan, dasar dan amalan untuk pengurusan Instrumen Kewangan tersebut, hubungan Instrumen Kewangan tersebut dengan instrumen lain serta kos dan manfaat yang berkaitan dengan setiap kategori. Kerugian maksima kerana kegagalan memenuhi obligasi mana-mana Aset Kewangan adalah bersamaan dengan Amaun Bawaan seperti yang dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

Pinjaman dan Penghutang pada awalnya diiktiraf pada Nilai Saksama yang ditambah dengan kos urus niaga dan kemudiannya diukur pada Kos Terlunas menggunakan kaedah Kadar Faedah Berkesan. Pinjaman dan Penghutang yang dikeluarkan dengan tempoh kurang daripada dua belas bulan adalah diiktiraf pada nilai nominal, kecuali jika kesan pendiskaunan adalah material. Di samping itu, perbezaan antara Hasil Pinjaman Konsesi dengan Nilai Saksama (berdasarkan syarat pasaran) adalah diandaikan sebagai Belanja dalam Untung atau Rugi pada pengiktirafan awal. Peruntukan untuk amaun yang dianggarkan tidak boleh pulih diiktiraf apabila terdapat bukti objektif bahawa aset tersebut terjejas. Faedah, kerugian penjejasan nilai dan Untung dan Rugi tukaran asing diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

Aset Kewangan dipegang untuk dagangan dan Aset Kewangan yang dikategorikan sebagai Nilai Saksama melalui Untung atau Rugi adalah direkodkan pada nilai saksama dengan untung atau rugi diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

Aset Kewangan dikategorikan sebagai Nilai Saksama Melalui Untung atau Rugi jika ia dimiliki dengan tujuan dagangan dalam jangka pendek. Aset Kewangan juga boleh ditetapkan dalam kategori ini jika pengolahan perakaunan menghasilkan maklumat yang lebih relevan kerana ia akan mengurangkan dengan signifikan ketidakpadanan perakaunan dengan liabiliti yang berkaitan atau ia adalah sebahagian daripada kumpulan Aset Kewangan yang diuruskan dan dinilai menggunakan asas nilai saksama. Untung atau rugi daripada faedah, tukaran asing dan pergerakan lain nilai saksama adalah dilaporkan secara berasingan dalam Penyata Prestasi Kewangan. Kos urus niaga akan dibelanjakan apabila ia ditanggung.

Aset Kewangan Sedia Untuk Dijual, pada awalnya dinyatakan pada nilai saksama ditambah dengan kos urus niaga. Berikutnya, instrumen tersebut direkodkan pada nilai saksama dengan merujuk kepada harga pasaran disebut, sebarang perubahan nilai saksama menghasilkan untung atau rugi dan hendaklah diiktiraf dalam Aset Bersih/Ekuiti. Pengukuran berikutnya bagi Instrumen Yang Tidak Disebut Harga dan nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti akan dibawa pada kos. Kerugian Penjejasan diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan. Pada penyahiktirafan, untung atau rugi nilai saksama kumulatif yang sebelum ini diiktiraf dalam Aset Bersih/Ekuiti akan diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

Tunai dan Bersamaan Tunai terdiri daripada Tunai di Bank, Tunai di Tangan (Tunai Runcit) dan Simpanan Tetap di Bank Berlesen, selepas ditolak bank overdraf.

3. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMBUNGAN)

(n) Instrumen kewangan (sambungan)

(i) Aset kewangan (sambungan)

Nilai Saksama Pelaburan Disebut Harga adalah berdasarkan harga bidaan semasa. Kebiasaannya, belian dan jualan bagi semua Aset Kewangan diakaunkan pada tarikh dagangan. Jika pasaran bagi sesuatu Aset Kewangan tidak aktif, nilai saksama digunakan untuk pengiktirafan awal dan pengukuran berikutnya dibuat dengan menggunakan teknik penilaian. Pada setiap tarikh akhir pelaporan, penilaian dibuat untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif bahawa Aset Kewangan atau kumpulan Aset Kewangan terjejas.

Jenis Aset Kewangan Utama	Designasi
Tunai dan bersamaan tunai	Pinjaman dan Penghutang
Penghutang perniagaan dan lain-lain penghutang	Pinjaman dan Penghutang
Pelaburan lain	Nilai Saksama Melalui Untung atau Rugi

(ii) Liabiliti kewangan

Liabiliti Kewangan Dipegang Untuk Dagangan dan Liabiliti Kewangan yang dikategorikan sebagai Nilai Saksama Melalui Untung atau Rugi adalah direkodkan pada nilai saksama dengan sebarang untung atau rugi diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan. Liabiliti Kewangan dikategorikan sebagai Nilai Saksama Melalui Untung atau Rugi jika ia dimiliki dengan tujuan dagangan dalam jangka pendek. Liabiliti Kewangan juga boleh ditetapkan dalam kategori ini jika pengolahan perakaunan menghasilkan maklumat yang lebih relevan kerana ia menghapuskan atau mengurangkan dengan signifikan ketidakpadanan perakaunan dengan Aset berkaitan atau merupakan sebahagian daripada sekumpulan Liabiliti Kewangan yang diuruskan dan dinilai menggunakan asas nilai saksama. Untung atau rugi daripada faedah, tukaran asing dan pergerakan nilai saksama lain adalah dilaporkan secara berasingan dalam Penyata Prestasi Kewangan. Kos urus niaga dibelanjakan apabila ia ditanggung.

Liabiliti Kewangan lain diiktirafkan pada awalnya dengan nilai saksama ditolak dengan kos urus niaga dan kemudiannya diukur pada Kos Terlunas dengan menggunakan kaedah kadar faedah berkesan. Liabiliti Kewangan yang mempunyai tempoh kurang daripada dua belas bulan adalah diiktiraf pada nilai nominalnya. Pelunasan bagi item monetari, untung atau rugi tukaran asing, diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan sebagai untung atau rugi apabila Liabiliti dinyahiktiraf.

3. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMBUNGAN)

(n) Instrumen kewangan (sambungan)

(ii) Liabiliti kewangan (sambungan)

Kontrak Jaminan Kewangan adalah kontrak yang memerlukan pengeluar membuat bayaran tertentu untuk membayar balik pemegang bagi kerugian yang dialami kerana penghutang tertentu gagal untuk membayar apabila cukup tempoh. Kontrak Jaminan Kewangan pada awalnya diiktiraf sebagai liabiliti dengan nilai saksama ditolak dengan kos urus niaga. Selepas pengiktirafan awal tersebut, Kontrak Jaminan Kewangan diiktiraf sebagai Hasil dalam Untung atau Rugi sepanjang tempoh jaminan. Jika penghutang gagal untuk membuat bayaran berkaitan dengan Kontrak Jaminan Kewangan apabila tiba masanya dan Kumpulan, sebagai pengeluar, perlu membayar balik kepada pemegang untuk kerugian berkaitan, liabiliti diukur nilai yang lebih tinggi antara anggaran terbaik belanja yang diperlukan untuk menyelesaikan obligasi kini pada tarikh laporan dengan amaun yang diiktiraf pada awalnya ditolak dengan pelunasan terkumpul.

Jenis Liabiliti Kewangan Utama	Designasi
Pemiutang Perniagaan dan lain-lain pemiutang	Kos Terlunas
Pinjaman	Kos Terlunas

(o) Aset cukai dan liabiliti cukai

Cukai semasa bagi tempoh semasa dan terdahulu, sehingga tahap belum dibayar, diiktiraf sebagai liabiliti cukai semasa. Jika amaun tersebut telah dibayar berhubung dengan tempoh semasa dan terdahulu melebihi amaun terhutang bagi tempoh tersebut, lebihan tersebut diiktiraf sebagai aset cukai semasa. Liabiliti (Aset) cukai semasa diukur pada amaun yang Kumpulan jangka untuk dibayar (dikutip) menggunakan kadar cukai dan undang-undang cukai yang digubal atau sebahagian besarnya digubal pada tarikh pelaporan.

Liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh dicukai, kecuali sehingga tahap liabiliti cukai tertunda timbul daripada:

- pengiktirafan awal muhibah; atau
- pengiktirafan awal aset atau liabiliti dalam urus niaga yang mana bukan kombinasi perniagaan dan pada masa urus niaga tersebut, tidak menjejaskan keuntungan perakaunan dan tidak juga keuntungan boleh dicukai (atau kerugian cukai).

Pengecualian bagi perbezaan pengiktirafan awal termasuk item-item di dalam hartanah, loji dan peralatan yang tidak layak bagi elaun modal dan aset tak ketara diperolehi yang tidak boleh ditolak untuk tujuan cukai.

3. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMBUNGAN)

(o) Aset cukai dan liabiliti cukai (sambungan)

Aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh ditolak sehingga tahap yang ia berkemungkinan bahawa keuntungan boleh dicukai akan tersedia terhadap yang mana perbezaan sementara boleh ditolak boleh digunakan, melainkan aset cukai tertunda tersebut timbul daripada pengiktirafan awal aset dan liabiliti di dalam urus niaga bukan kombinasi perniagaan dan pada masa urus niaga tersebut, tidak menjejaskan keuntungan perakaunan dan tidak juga keuntungan boleh dicukai (atau kerugian cukai). Pengecualian bagi perbezaan pengiktirafan awal termasuk geran kerajaan diterima yang tidak boleh dicukai dan elaun pelaburan semula dan elaun cukai pelaburan atas hartanah, loji dan peralatan yang layak.

Aset cukai tertunda diiktiraf bagi kerugian cukai tidak digunakan dan kredit cukai tidak digunakan bawa kehadapan sehingga tahap yang ia berkemungkinan keuntungan boleh cukai pada masa hadapan akan tersedia terhadap yang mana kerugian cukai tidak diguna dan kredit cukai tidak diguna boleh digunakan.

Cukai tertunda diukur menggunakan kadar cukai (dan undang-undang cukai) yang digubal atau sebahagian besarnya digubal sebelum akhir tempoh pelaporan. Pengukuran cukai tertunda mencerminkan kesan cukai yang akan mengikut daripada cara mana Kumpulan jangka, pada akhir tempoh pelaporan, untuk dikutip atau diselesaikan amaun dibawa oleh asetnya atau liabilitinya.

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, amaun dibawa aset cukai tertunda disemak, dan dikurangkan sehingga tahap tiada lagi kemungkinan keuntungan boleh dicukai yang mencukupi akan tersedia untuk membenarkan manfaat bagi sebahagian atau kesemua aset cukai tertunda boleh digunakan. Sebarang pengurangan seumpamanya akan diterbalikkan sehingga tahap ia menjadi kemungkinan keuntungan boleh dicukai yang mencukupi akan tersedia.

Cukai semasa atau tertunda diiktiraf sebagai pendapatan atau perbelanjaan di dalam untung atau rugi bagi tempoh. Bagi item-item yang diiktiraf secara terus kepada ekuiti, kesan cukai yang berkaitan juga diiktiraf secara terus kepada ekuiti.

(p) Pajakan

Kos aset yang diperolehi di bawah pajakan kewangan dipermodalkan. Dasar susutnilai ke atas aset ini adalah sama seperti lain-lain aset Kumpulan sebagaimana dinyatakan di Nota 3(d) kepada penyata kewangan.

Tanggungan belum berbayar di bawah pajakan setelah ditolak perbelanjaan kewangan telah dimasukkan sebagai liabiliti di dalam akaun. Perbelanjaan kewangan sewa pajakan dikenakan kepada akaun untung atau rugi sepanjang tempoh perjanjian berkenaan.

3. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMBUNGAN)

(q) Pinjaman berfaedah

Pinjaman diiktiraf pada permulaannya pada nilai saksama, selepas ditolak kos urus niaga yang ditanggung. Pinjaman kemudiannya dibawa pada kos yang terlunas; apa-apa perbezaan di antara amaun diiktiraf pada permulaan dan nilai penebusan diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan dalam tempoh pinjaman menggunakan kaedah faedah berkesan.

Pinjaman dikelaskan sebagai liabiliti semasa melainkan Kumpulan mempunyai hak tidak bersyarat untuk menunda penyelesaian liabiliti tersebut untuk sekurang-kurangnya 12 bulan selepas tarikh pelaporan.

(r) Pengiktirafan pendapatan

Hasil daripada urus niaga pertukaran

(i) Jualan projek perumahan dan perkedaian

Kumpulan dan Syarikat mengiktiraf hasil jualan unit yang telah siap dibangunkan apabila kawalan bagi unit tersebut telah dipindahkan kepada pelanggan dan adalah mungkin bahawa Kumpulan dan Syarikat akan menerima bayaran yang berhak diterima.

(ii) Jualan tanah industri dan Bandar Indera Mahkota

Jualan tanah industri dan Bandar Indera Mahkota diiktiraf apabila kawalan secara umumnya, risiko dan ganjaran pemilikan yang signifikan.

(iii) Projek dalam pelaksanaan dan jualan pembangunan hartanah

Pendapatan atas projek dalam perlaksanaan adalah diambilkira berdasarkan kepada kaedah peratus kemajuan kerja. Semua kerugian dan jangkaan kerugian daripada projek akan diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan apabila diketahui.

Pendapatan daripada jualan pembangunan hartanah diiktiraf mengikut kaedah peratusan penyiapan berdasarkan nisbah kos pembangunan yang terlibat sehingga sekarang dibandingkan dengan jumlah kos jangkaan di mana hasil projek-projek tersebut boleh dianggarkan dengan pasti. Semua kerugian yang dijangka terhadap pembangunan hartanah telah diperuntukan sepenuhnya.

(iv) Jualan barang-barang

Pendapatan berkaitan dengan jualan barang-barang diiktiraf apabila barang-barang tersebut dihantar kepada pelanggan.

(v) Pendapatan dividen

Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak pemegang saham untuk menerima bayaran telah terbukti.

3. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMBUNGAN)

(r) Pengiktirafan pendapatan (sambungan)

Hasil daripada urus niaga bukan pertukaran

(i) Pendapatan tertunda - Geran kerajaan

Geran kerajaan bagi projek milik Kumpulan diiktiraf sebagai pendapatan tertunda apabila terdapat jaminan yang munasabah ia akan diterima dan Kumpulan akan mematuhi syarat-syarat geran tersebut. Terimaan geran yang digunakan untuk perbelanjaan akan diiktiraf di dalam penyata prestasi kewangan secara sistematik pada tempoh masa perbelanjaan tersebut diiktiraf. Apabila Perbadanan telah memenuhi tujuan tersebut, iaitu membuat perbelanjaan yang dibenarkan, ia mengurangkan liabiliti dan mengiktiraf hasil dalam penyata prestasi kewangan dalam tempoh pelaporan sewaktu liabiliti itu dilunaskan.

(s) Manfaat pekerja

(i) Manfaat pekerja jangka pendek

Upah, gaji tahunan dan bonus diakrukan dalam tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh pekerja Kumpulan dan Perbadanan.

(ii) Skim sumbangan ditakrif

Seperti yang dikehendaki oleh undang-undang, Kumpulan yang ditubuhkan di Malaysia membuat sumbangan kepada skim persaraan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP"). Sumbangan berkenaan diambilkira sebagai perbelanjaan di dalam penyata kewangan apabila dibelanjakan.

(iii) Manfaat persaraan pekerja

Di bawah syarat perjanjian tawaran terkumpul, manfaat persaraan akan dibayar kepada pekerja-pekerja berkenaan pada umur persaraan yang ditentukan.

Peruntukan manfaat persaraan telah diambilkira mengikut gaji terakhir yang diterima dan tempoh perkhidmatan pekerja-pekerja yang berkelayakan.

(t) Pertukaran dan terjemahan mata wang asing

Urus niaga dalam mata wang asing di sepanjang tahun telah ditukar kepada mata wang Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran menghampiri kadar yang berkuat kuasa pada tarikh urus niaga.

Harta dan tanggungan dalam mata wang asing bersifat kewangan pada tarikh lembaran imbangan telah diterjemahkan kepada mata wang Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran menghampiri kadar yang berkuat kuasa pada tarikh itu.

Semua keuntungan atau kerugian pertukaran dalam tahun telah diambil kira di dalam akaun untung atau rugi.

4. ANGGARAN DAN PERTIMBANGAN PERAKAUNAN PENTING

Penyediaan penyata kewangan memerlukan Ahli Perbadanan membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada amaun hasil, belanja, aset dan liabiliti, dan pendedahan liabiliti luar jangka dan aset luar jangka pada akhir tahun kewangan. Walau bagaimanapun, ketidakpastian mengenai andaian dan anggaran ini akan menyebabkan hasil yang memerlukan pelarasan signifikan kepada amaun bawaan aset dan liabiliti dalam tempoh masa hadapan.

(a) Pertimbangan yang dibuat dalam mengguna pakai dasar perakaunan

Dalam proses mengguna pakai dasar perakaunan yang dinyatakan dalam Nota 3 kepada penyata kewangan, tiada sebarang pertimbangan signifikan yang digunakan Kumpulan dan Perbadanan sepanjang tahun semasa.

(b) Sumber utama ketidakpastian anggaran

Andaian utama berkaitan dengan masa hadapan dan sumber utama lain ketidakpastian anggaran pada tarikh pelaporan yang mempunyai risiko signifikan menyebabkan pelarasan material amaun bawaan aset dan liabiliti dalam tahun kewangan berikutnya akan dibincangkan di bawah:

(i) Usia guna hartanah, loji dan peralatan

Kos hartanah, loji dan peralatan disusutnilaikan menggunakan asas garis lurus sepanjang anggaran usia guna ekonomi aset. Kumpulan dan Perbadanan menganggarkan usia guna bagi hartanah, loji dan peralatan seperti dinyatakan di Nota 3(d) kepada penyata kewangan. Perubahan dalam tahap jangkaan penggunaan dan perkembangan teknologi boleh memberi impak kepada usia guna ekonomi dan nilai sisa aset dan dengan itu, caj susut nilai masa hadapan mungkin disemak.

(ii) Penjejasan penghutang

Kumpulan dan Perbadanan membuat penilaian pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan terjejas. Untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif penjejasan, Kumpulan dan Perbadanan mengambilkira faktor seperti kemungkinan insolvensi atau kesukaran kewangan yang signifikan bagi penghutang dan kegagalan atau kelewatan signifikan dalam pembayaran. Apabila terdapat bukti objektif penjejasan, amaun dan pemasaan aliran tunai masa hadapan dianggarkan berdasarkan sejarah pengalaman kerugian untuk aset yang mempunyai ciri risiko kredit yang serupa.

5. TUNAI DAN BERSAMAAN TUNAI

	Kumpulan		Perbadanan	
	2024	2023	2024	2023
	RM	RM	RM	RM
Simpanan tetap di bank berlesen	40,971,036	42,605,777	30,000,933	31,800,000
Tunai di tangan dan baki di bank	34,887,092	44,239,428	25,377,096	24,171,019
Simpanan tetap, tunai dan baki di bank	75,858,128	86,845,205	55,378,029	55,971,019
Bank overdraf (bercagar) (Nota 21)	(4,481,058)	(3,058,689)	-	-
Tunai dan bersamaan tunai	71,377,070	83,786,516	55,378,029	55,971,019

Kadar purata faedah yang efektif pada akhir tahun adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Perbadanan	
	2024	2023	2024	2023
Simpanan tetap di bank berlesen	3.62%	3.64%	3.95%	3.82%
Bank overdraf (bercagar)	5.37%	6.85%		-

Tempoh kematangan simpanan tetap di bank berlesen adalah 30 hingga 365 hari (2023: 30 hingga 365 hari).

Simpanan tetap di bank berlesen adalah dicagarkan untuk kemudahan bank overdraf.

6. INVENTORI

	Kumpulan		Perbadanan	
	2024	2023	2024	2023
	RM	RM (Dinyatakan semula)	RM	RM (Dinyatakan semula)
Pada kos:				
Bahan mentah	2,817,684	2,884,575	-	-
Barang niaga	8,644,709	8,913,983	-	-
Barangan bolehguna	13,529,577	27,838,624	-	-
Rumah, lot banglo, kedai dan kondominium	162,112,896	162,031,898	159,479,826	160,583,298
	187,104,866	201,669,080	159,479,826	160,583,298

Amaun inventori yang diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun semasa adalah sebanyak RM227,416,941 (2023: RM20,220,872) manakala bagi Perbadanan adalah sebanyak RM1,364,548 (2023: RM10,539,804).

7. URUS NIAGA PERTUKARAN BELUM TERIMA

	Kumpulan		Perbadanan	
	2024	2023	2024	2023
	RM	RM (Dinyatakan semula)	RM	RM (Dinyatakan semula)
Akaun belum terima sewa beli perumahan/ ruang niaga	50,667,918	36,732,661	50,667,918	36,732,661
Penghutang dagangan	26,513,502	23,525,467	-	-
Jumlah terhutang oleh subsidiari	-	-	48,031,303	47,313,594
Jumlah terhutang syarikat berkaitan	637,259	637,259	637,259	637,259
	77,818,679	60,895,387	99,336,480	84,683,514
Kerugian penjejasan terkumpul	(15,549,953)	(14,533,661)	(15,559,924)	(14,368,724)
	62,268,726	46,361,726	83,776,556	70,314,790

Penghutang perniagaan tidak dikenakan faedah dan secara umumnya tempoh kredit ialah dari 0 hari ke 30 hari (2023: 0 hari ke 30 hari).

Analisis pengusiaan penghutang perniagaan Kumpulan dan Perbadanan adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Perbadanan	
	2024	2023	2024	2023
	RM	RM (Dinyatakan semula)	RM	RM (Dinyatakan semula)
Tidak lampau tempoh dan tidak terjejas	7,529,002	18,523,308	-	-
Telah lampau tempoh tetapi tidak terjejas				
1 hingga 30 hari	32,054,642	3,838,164	22,866,306	3,454,995
30 hingga 60 hari	11,401,249	3,682,852	9,551,527	3,641,846
60 hingga 120 hari	2,543,657	19,485,526	2,558,657	19,235,743
Lebih daripada 120 hari	8,730,205	831,876	48,800,066	43,982,206
	54,729,753	27,838,418	83,776,556	70,314,790
Telah terjejas	15,559,924	14,533,661	15,559,924	14,368,724
	77,818,679	60,895,387	99,336,480	84,683,514

7. URUS NIAGA PERTUKARAN BELUM TERIMA (SAMBUNGAN)

Penghutang perniagaan yang tidak lampau tempoh dan tidak terjejas

Penghutang perdagangan yang tidak lampau tempoh dan tidak terjejas adalah penghutang perniagaan yang mempunyai kebolehpercayaan kredit yang baik dan rekod bayaran yang baik dengan Kumpulan. Penghutang perniagaan tersebut tidak dirundingkan semula pada tahun kewangan semasa.

Penghutang perniagaan yang telah lampau tempoh tetapi tidak terjejas

Baki penghutang perniagaan yang telah lampau tempoh tetapi tidak terjejas adalah tidak bercagar.

8. PENGHUTANG PELBAGAI DAN PERBELANJAAN TERDAHULU

	Kumpulan		Perbadanan	
	2024	2023	2024	2023
	RM	RM	RM	RM
Jumlah terhutang oleh subsidiari	-	-	9,641,812	9,629,792
Jumlah terhutang oleh syarikat berkaitan	2,556,407	1,961,284	-	-
Penghutang lain	35,181,936	49,778,180	27,449,228	42,738,456
Pertaruhan dan deposit	1,994,976	1,945,123	958,139	925,446
Pendahuluan kepada kakitangan	89,472	144,639	89,472	144,639
Perbelanjaan terdahulu	4,015,139	3,394,592	1,980,984	1,462,568
	43,837,930	57,223,818	40,119,635	54,900,901
Kerugian penjejasan terkumpul	(26,125,978)	(27,687,979)	(34,956,322)	(35,597,045)
	17,711,952	29,535,839	5,163,313	19,303,856

Jumlah terhutang oleh subsidiari ini adalah tidak bercagar, tanpa faedah dan perlu dibayar balik atas permintaan.

Jumlah terhutang oleh syarikat berkaitan adalah tidak bercagar, tanpa faedah dan perlu dibayar balik atas permintaan.

Jumlah penghutang lain terdiri daripada syarikat Bukit Katil Resources Sdn Bhd berjumlah RM26,745,188 (2023: RM26,755,507). Jumlah penghutang lain ini telah pun dibuat peruntukan penuh dan sedang dalam tindakan guaman Perbadanan ke atas pengarah-pengarah syarikat tersebut bagi membuat tuntutan kerana para pengarah ada membuat jaminan peribadi pengarah (*director's personal guarantee*).

9. PELABURAN LAIN

	Kumpulan		Perbadanan	
	2024	2023	2024	2023
	RM	RM	RM	RM
Bukan semasa				
Saham tersiarharga, pada nilai saksama	1,192,640	1,439,220	1,140,000	1,380,000
Saham tak tersiarharga, pada nilai bawaan	12,719,479	13,461,045	12,669,479	13,411,045
	13,912,119	14,900,265	13,809,479	14,791,045

Sebahagian daripada pelaburan Kumpulan dalam saham tersiarharga dan tidak tersiarharga telah dicagarkan kepada bank untuk kemudahan overdraf dan pinjaman subsidiari-subsidiari tertentu.

Termasuk dalam saham tak tersiarharga bukan semasa ialah saham Lanjut Golf Resort Sdn. Bhd. dan Budget & Business Hotel Sdn. Bhd. dengan amaun bernilai RM2,526,891 (2023: RM2,364,654) yang merupakan pegangan amanah bagi pihak kerajaan negeri.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024 (SAMBUNGAN)

10. KOS PEMBANGUNAN HARTANAH

	Kumpulan		Perbadanan	
	2024	2023	2024	2023
	RM	RM	RM	RM
Pada awal tahun				
- tanah	47,523,096	81,142,570	15,183,018	48,802,492
- kos pembangunan	186,720,667	156,976,829	170,801,585	135,356,360
- kos terkumpul dicaj ke untung atau rugi	-	(5,089,522)	-	-
	234,243,763	233,029,877	185,984,603	184,158,852
Tambahan kos dalam tahun semasa				
- tanah	149,435	150	149,435	150
- kos pembangunan	19,804,468	9,537,037	3,883,283	3,036,052
	19,953,903	9,537,187	4,032,718	3,036,202
Pelarasan				
- tanah	(1,485,314)	(33,619,625)	(1,485,314)	(33,619,625)
- kos pembangunan	(2,661,778)	32,409,174	(2,661,778)	32,409,174
- kos terkumpul dicaj ke untung atau rugi	-	-	-	-
	(4,147,092)	(1,210,451)	(4,147,092)	(1,210,451)
Pindahan ke inventori				
- tanah	(8,712,000)	-	-	-
- kos pembangunan	-	-	-	-
	(8,712,000)	-	-	-
Kos dicaj ke untung atau rugi	(18,860,512)	(7,112,850)	-	-
Pada akhir tahun	222,478,062	234,243,763	185,870,229	185,984,603
Terdiri daripada:				
- tanah	37,475,217	47,523,095	13,847,139	15,183,018
- kos pembangunan	203,863,357	198,923,040	172,023,090	170,801,585
- kos terkumpul dicaj ke untung atau rugi	(18,860,512)	(12,202,372)	-	-
	222,478,062	234,243,763	185,870,229	185,984,603
Dianalisa sebagai berikut:				
Semasa	198,849,984	201,903,685	185,870,229	185,984,603
Bukan semasa	23,628,078	32,340,078	-	-
	222,478,062	234,243,763	185,870,229	185,984,603

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024 (SAMBUNGAN)

11. ASET/LIABILITI CUKAI TERTUNDA

Aset dan liabiliti cukai tertunda diimbangi apabila terdapat hak penguatkuasaan untuk mengimbangi aset cukai semasa terhadap liabiliti cukai semasa berkaitan dengan pihak berkuasa cukai yang sama.

Amaun di lembaran imbangan, selepas pengimbangan yang berpatutan, adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Perbadanan	
	2024 RM	2023 RM (Dinyatakan semula)	2024 RM	2023 RM (Dinyatakan semula)
Aset cukai tertunda	(32,084,008)	(8,166,983)	-	-
Liabiliti cukai tertunda	6,030,781	3,211,487	108,893	55,739
	(26,053,227)	(4,955,496)	108,893	55,739
Pada awal tahun	3,055,265	2,454,618	55,739	99,897
Debit / (Kredit) ke untung atau rugi (Nota 32)	2,816,760	600,647	53,154	(44,158)
Pengambilalihan subsidiari	(31,925,252)	(8,010,761)	-	-
Pada akhir tahun	(26,053,227)	(4,955,496)	108,893	55,739
Aset cukai tertunda				
- kerugian cukai yang belum diserap	21,868,152	12,016,243	-	-
- perbezaan sementara bagi hartanah, loji dan peralatan	158,756	156,222	-	-
- elaun modal yang tidak digunakan	3,696,902	2,491,322	-	-
- elaun pelaburan yang tidak digunakan	9,117,277	9,117,277	-	-
Jumlah sebelum pengofsetan	34,841,087	23,781,064	-	-
Ofset	(2,757,079)	(15,614,081)	-	-
Jumlah selepas pengofsetan	32,084,008	8,166,983	-	-
Liabiliti cukai tertunda				
- perbezaan sementara bagi hartanah, loji dan peralatan	2,263,218	16,233,977	108,893	55,739
- rizab penilaian semula	6,524,642	2,591,591	-	-
Jumlah sebelum pengofsetan	8,787,860	18,825,568	108,893	55,739
Ofset	(2,757,079)	(15,614,081)	-	-
Jumlah selepas pengofsetan	6,030,781	3,211,487	108,893	55,739

12. TANAH UNTUK PEMBANGUNAN

Kumpulan dan Perbadanan

	Tanah pegangan pajak RM
Pada kos	
Pada 1 Januari 2024	25,995,761
Tambahan	828,333
Pelarasan	6,818,748
Pada 31 Disember 2024	33,642,842
Pada kos	
Pada 1 Januari 2023	25,861,496
Tambahan	515,701
Pelarasan	(381,436)
Pada 31 Disember 2023	25,995,761

13. SUBSIDIARI

	Perbadanan	
	2024 RM	2023 RM
Saham tak tersiarharga, pada kos	135,010,229	135,010,229
Kerugian penjejasan terkumpul	(8,015,604)	(15,227,543)
	126,994,625	119,782,686

13. SUBSIDIARI (SAMBUNGAN)

Pelaburan dalam semua subsidiari dipegang secara langsung dan tidak langsung oleh Perbadanan. Butir-butir subsidiari adalah seperti berikut:

(i) Subsidiari-subsidiari dipegang secara langsung

Nama syarikat	Tempat ditubuhkan	Kegiatan utama	Kepentingan efektif Perbadanan 2024 %	Kepentingan efektif Perbadanan 2023 %
PKNP Tenun Pahang SOI Sdn. Bhd. (dahulu dikenali sebagai Realistic Attraction Sdn. Bhd.)	Malaysia	Mengeluar dan memasarkan kain tenunan	100	100
BCIC Holdings Sdn. Bhd.	Malaysia	Pengurusan fasiliti	100	100
PKNP Mineral Industries Sdn. Bhd.	Malaysia	Pengurusan lombong	100	100
Rumpun Timur Sdn. Bhd.	Malaysia	Pelaburan dalam bidang pertanian dan asas tani	100	100
PKNP Agro-Tech Sdn. Bhd.	Malaysia	Menyelia ladang-ladang	100	100
RT Development & Engineering Sdn. Bhd.	Malaysia	Pemaju hartanah	100	100
Pascorp Paper Industries Berhad	Malaysia	Pembuatan pelapik kraf dan kertas sederhana beralun	50.6	50.6

13. SUBSIDIARI (SAMBUNGAN)

Pelaburan dalam semua subsidiari dipegang secara langsung dan tidak langsung oleh Perbadanan. Butir-butir subsidiari adalah seperti berikut: (sambungan)

(ii) Subsidiari-subsidiari dipegang secara tidak langsung

Nama syarikat	Tempat ditubuhkan	Kegiatan utama	Kepentingan efektif Perbadanan 2024 %	Kepentingan efektif Perbadanan 2023 %
Subsidiari Rumpun Timur Sdn. Bhd.				
RT-Biofarm Sdn. Bhd.	Malaysia	Agro pertanian yang melibatkan Bio-Teknologi	100	100
Subsidiari RT Development & Engineering Sdn Bhd				
RT Construction and Engineering Sdn. Bhd.	Malaysia	Pembinaan bangunan	100	100

Akaun Kumpulan menyatukan semua penyata kewangan subsidiari.

Akaun subsidiari Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang tidak diaudit oleh Jabatan Audit Negara.

14. SYARIKAT BERSEKUTU

	Kumpulan		Perbadanan	
	2024	2023	2024	2023
	RM	RM	RM	RM
Saham tersiarharga, pada kos	128,072,108	128,072,108	128,072,108	128,072,108
Saham tak tersiarharga, pada kos	11,710,531	11,710,531	11,710,530	11,710,530
